



Hujung Minggu

پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG

IMSAK 4.38

SUBUH 4.48

SYURUK 6.06

DUHA 6.28

ZUHUR 12.08

ASAR 3.24

MAGHRIB 6.07

ISYAK 7.17

Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 123

14 OKTOBER 2023 / 1445 هـ 28

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

مانیسش ایمان

"DARI Abi Hurairah Radiallahuanhu, dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Tidak satupun musibah pun yang menimpa diri seorang Muslim, sama ada ia berupa kesusaahan dan penderitaan, kesedihan dan keduaan ataupun penyakit, bahkan kerana sepotong duri yang mencucuk kakinya (anggotanya) melainkan dihapuskan oleh Allah dengan itu sebahagian dari kesalahannya." - (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

## BERANGKAT TIBA DI PARIS, REPUBLIK PERANCIS



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Paris bagi mengadakan Keberangkatan Rasmi ke Republik Perancis yang berlangsung pada 13 hingga 14 Oktober 2023. - Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

### Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

**PARIS**, Jumaat, 13 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berangkat tiba di Paris bagi mengadakan Keberangkatan Rasmi ke Republik Perancis yang

berlangsung pada 13 hingga 14 Oktober 2023.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Lapangan Terbang Paris Orly dijunjung oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Bernard Regnault-Fabre; dan Deputy Prefect of Airport Security, Benoit Pichard-Morillon.

>> Muka 3

## Memperkasa belia pelihara nilai, warisan ASEAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

**GADONG**, Rabu, 11 Oktober. - Kepentingan memupuk dan melibatkan generasi muda dalam pemeliharaan dan promosi budaya tidak boleh dipertikaikan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad berkata, dengan teknologi yang menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka, adalah penting untuk kita mengikuti trend dan alat terkini untuk berhubung bersama mereka secara berkesan melalui platform media sosial yang sesuai.

>> Muka 10

## Pembangunan kepimpinan penting, mampu atasi cabaran semasa

Oleh : Nooratini Haji Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 13 Oktober. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, menekankan pentingnya pembangunan kepimpinan dalam persekitaran hari ini yang tidak menentu, tidak stabil, rumit dan sentiasa

berubah.

Matlamat tersebut menurut Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, boleh dicapai melalui kerjasama awam dan tentera sebagai pendekatan One Ministerial ke arah mencapai pendekatan Whole of Government and Whole of Nation seperti yang digariskan dalam Kertas Putih Pertahanan 2021.

>> Muka 6

## Langkah bersepada dalam pencegahan penyakit kardiovaskular

Oleh : Pg. Siti Redzaimi  
Pg. Haji

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 13 Oktober. - Kementerian Kesihatan melalui pelbagai agensi, terus menjalankan kempen yang bertujuan

untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai penyakit kardiovaskular, langkah pencegahan, dan kepentingan mengikuti nasihat perubatan, menjalani pemeriksaan kesihatan, dan mengamalkan gaya hidup sihat.

>> Muka 7

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH  
**InfoDeptBN**

f Pelita Brunei @ pelitabrunei pelitabrunei

## Berita Utama

PERASMIAN Projek Arca ASEAN  
Muka 9

AHLI-ahli MMN tinjau beberapa tapak perusahaan pertanian  
Muka 14

PLATFORM tingkat kemahiran, pengetahuan peserta  
Muka 24

FOKUS SUKAN !  
SUKAN Taekwondo boleh bentuk percaya diri  
Muka 31



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) bertitah pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-13, yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), pada Selasa, 10 Oktober 2023.

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh**  
**Bismillaahir Rahmaanir Raheem**  
**Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee  
Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya**  
**Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala  
Asyarafil Mursaleen, Sayyidina  
Muhammadin, Wa'alaa Aalihee  
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.**

**B**EZA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin-Nya juga, dapatlah kita bersama-sama hadir ke Majlis

Konvokesyen Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan Ketiga Belas pada pagi yang Mubarak ini.

Dengan hati yang tulus ikhlas, beta merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing.

Ucapan penghargaan juga beta tujuhan kepada semua tenaga akademik yang telah memberikan bimbingan dengan penuh ikhlas dan dedikasi. Begitu juga kepada ahli keluarga di atas doa dan prihatin mereka, sehingga anak-anak

## Pendidikan proses berterusan sepanjang hayat

berjaya.

Ilmu dan pengalaman yang diraih oleh para graduan adalah amanah untuk diamalkan dan dicurahkan kepada masyarakat.

Pendidikan bukanlah proses berkala, malah merupakan proses berterusan untuk sepanjang hayat.

Pendidikan bukan hanya berlaku di sekolah malah berterusan sehingga ke rumah atau ke mana sahaja.

Pendidikan sebenar, sepatutnya berlaku di rumah atau dalam keluarga. Kerana masa anak-anak adalah lebih banyak di rumah berbanding di sekolah.

Kerana itu, institusi keluarga mempunyai peranan penting dalam menyambung pembelajaran anak-anak di sekolah.

Sekarang, kita mendapati masyarakat secara umum telah dilanda oleh pelbagai isu sosial, kesan daripada penyalahgunaan media sosial atau medsoc.

Ini, jika tidak dikawal, ia boleh memberi kesan kepada mental, akhlak dan pembaziran. Begitu juga boleh menyeburkan angan-angan fantasi yang jauh dari realiti.

Maka dalam hubungan ini, institusi keluarga berkewajipan untuk mengambil tahu segala aktiviti yang tidak sihat anak-anak, di dalam dan di luar rumah.

Di sini, pihak-pihak berwajib yang menangani teknologi maklumat dan komunikasi adalah dikehendaki untuk menggandakan usaha memantau dan mengawal laman sesawang, aplikasi dan permainan video atau media sosial yang boleh menjelaskan akidah, akhlak, kesihatan dan disiplin.

Beta suka ita mengambil maklum bahawa KUPU SB sentiasa mengemaskin kurikulum pengajianannya, tanpa mengabaikan objektif utama melahirkan para graduan yang

bertakwa.

Beta juga suka ita mengetahui bahawa KUPU SB sentiasa berusaha untuk memantapkan program-program ko-kurikulumnya. Dan yang terbaru, KUPU SB dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid telah mula mengaturkan pelajar-pelajarnya untuk menyertai program Kepimpinan dan Pengimaran Masjid di masjid-masjid yang bersesuaian.

Sehubungan itu, tentu pihak KUPU SB juga boleh memainkan peranan membimbang, bagaimana untuk memberikan kefahaman yang betul kepada generasi muda mengenai penggunaan media sosial dan sekali gus mengenai pengurusan masjid bagi para pegawai, imam, bilal, pelapis imam dan ahli jawatankuasa ta'mir masjid.

Pada hemat beta, KUPU SB juga mempunyai potensi dalam melahirkan para guru yang bukan saja mendidik dalam Pengajian Islam, bahkan subjek-subjek umum yang lain juga. Dalam Majlis Konvokesyen Kesebelas 2021 yang lepas, beta telah memperkenankan penubuhan Fakulti Pendidikan Sains Kemasyarakatan.

Akhirnya, beta merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan khusus kepada semua warga KUPU SB, terutama kepada Pengurus dan Ahli-ahli Majlis Kolej Universiti, Rais, pegawai-pegawai utama, ahli-ahli akademik serta kakitangan sekalian di atas khidmat yang telah mereka sumbangkan kerana Allah jua.

Marilah kita terus berdoa, semoga KUPU SB sentiasa berada di landasan yang betul kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

## SIDANG PENGARANG 14 OKTOBER 2023

### Anak adalah amanah Allah

**A**NAK adalah amanah Allah kepada ibu bapa. Mereka bertanggungjawab mendidiknya dengan didikan yang baik dan sempurna. Sekiranya pendidikan menjadikan anak tersebut seorang yang beriman, maka ibu bapa juga turut mendapat pahala, dan sebaliknya jika pendidikan yang diberi tidak sempurna maka ibu bapa akan menanggung sama akibatnya di depan Allah Subhanahu Wata'ala.

Tugas mendidik anak-anak bukanlah suatu tugas yang mudah dan boleh dipandang ringan. Ia perlu diberi perhatian yang teliti dan terancang. Ini kerana didikan ibu bapa pada peringkat awal adalah penentu ke arah mana corak dan masa depan mereka lebih-lebih lagi pada zaman moden yang penuh dengan berbagai cabaran.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda pada Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) Ke-13 turut menekankan institusi keluarga mempunyai peranan penting dalam menyambung pembelajaran anak-anak di sekolah kerana pendidikan sebenar berlaku di rumah atau dalam keluarga kerana masa anak-anak adalah lebih banyak di rumah berbanding di sekolah.

Oleh kerana itu, ibu bapa perlu memahami tugas pendidikan ini dan bersa ber tanggungjawab sepenuhnya. Kegagalan mereka memberi pendidikan yang sempurna bererti kegagalan terhadap amanah yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada mereka.

Dalam proses pendidikan tiga perkara yang perlu diberi perhatian dan penekanan, iaitu pendidikan akidah, ibadat dan akhlak. Pendidikan akidah adalah dengan cara mengajar kepada anak-anak mengenali Allah yang sebenarnya, sifat-sifat dan nama-nama-Nya yang Agung serta segala yang berhubungan dengan-Nya sehingga ia memberi kesannya pada jiwa dan tindakan mereka.

Selain itu, pendidikan akhlak hendaklah dibuat kepada diri anak-anak. Ini kerana apabila anak-anak itu dibiasakan dengan sesuatu akhlak yang baik dan terpuji maka anak-anak itu akan membesar dengan akhlak Islam yang sebenarnya. Begitulah sebaliknya.

Justeru itu, ibu bapa hendaklah memberikan perhatian yang berat terhadap pembentukan akhlak ini daripada gejala-gejala yang tidak sihat yang berlaku di abad ini yang berpunca daripada muda-mudi Islam yang tidak mengamalkan akhlak Islam yang sebenarnya.

Justeru itulah, satu daripada misi penting yang dibawa oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah untuk membaiki akhlak manusia supaya hidup mengikut ketetapan akhlak Islam.

Institusi keluarga yang bahagia adalah mustahak kepada pembangunan negara kerana keluarga bahagia menjamin kesinambungan generasi masa depan negara.

- Ketua Penyuntingan (Ad)

## WAKTU SEMBAHYANG

OKTOBER MASIHI	HARI	RABIULAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
14	SABTU	28	4.38	4.48	6.06	6.28	12.08	3.24	6.07	7.17
15	AHAD	29	4.38	4.48	6.06	6.28	12.07	3.24	6.07	7.16
16	ISNIN	1	4.38	4.48	6.06	6.28	12.07	3.24	6.06	7.16
	RABIULAKHIR									
17	SELASA	2	4.38	4.48	6.06	6.28	12.07	3.24	6.06	7.16
18	RABU	3	4.38	4.48	6.05	6.28	12.07	3.24	6.06	7.15
19	KHAMIS	4	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.05	7.15
20	JUMAAT	5	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.05	7.15

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI



SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
32 25 °C	32 25 °C	33 25 °C
Pekan Bangar		
31 25 °C	32 25 °C	33 24 °C
Pekan Tutong		
31 25 °C	32 25 °C	33 25 °C
Kuala Belait		
31 25 °C	31 25 °C	33 26 °C
Wallahualam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

www.met.gov.bn

# KEBAWAH DYMM BERANGKAT KE PARIS, REPUBLIK PERANCIS



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Paris, Republik Perancis bagi mengadakan Keberangkatan Rasmi ke negara berkenaan pada 13 hingga 14 Oktober 2023. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas). Sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan ketika doa dibacakan.

Oleh : Haniza Abdul Latif, Marlinawaty Hussin  
Foto : Masri Osman, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie  
Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 12 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia



DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.



Pengiran Muda 'Abdul Mateen.  
Sebelum berangkat dari Istana Nurul Iman, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Mahara (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



BERANGKAT di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM ialah ahli-ahli kerabat diraja (atas kanan). Manakala gambar atas kiri, baginda dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah.

Berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria; Penasihat Khas Kebawah DYMM; Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara; Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Timbalan-timbalan Menteri; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei; dan Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Berangkat sama dan hadir di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria; Penasihat Khas Kebawah DYMM; Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara; Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Timbalan-timbalan Menteri; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei; dan Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



## Berangkat tiba di Paris, Republik Perancis

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri

>> Muka 1

Juga hadir bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah DYMM ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi

II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji

Mohd. Yusof; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Perancis, Puan Yang Terutama Datin Paduka Hajah Rakiah binti Haji Abdul Lamit @ Hamid.

Keberangkatan Rasmi Kebawah DYMM berkenaan

ialah atas jemputan Presiden Republik Perancis, Tuan Yang Terutama Emmanuel Macron.

NBD dan Republik Perancis telah menujuhkan hubungan diplomatik pada Mei 1984 dan sejak itu, kedua-dua buah negara mempunyai

kerjasama yang luas dalam bidang ekonomi, tenaga, pertahanan, pendidikan dan kebudayaan.

Kali terakhir Kebawah DYMM berangkat ke Republik Perancis bagi Keberangkatan Rasmi adalah pada 2008.

# BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS PERHIMPUNAN KHAS WANITA



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1445 Hijrah, bertempat di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club (kiri dan kanan).**

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Dk. Nur Haifilah  
Pg. Osman

**JERUDONG**, Khamis, 12 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1445 Hijrah, bertempat di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club, hari ini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Juga menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; Timbalan

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) serta Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja yang lain dan Pengendali-pengendali Bersama Jawatankuasa Kerja Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1445 Hijrah.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri

Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah; dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir.

Turut berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah;

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajar Majeedah Nuurul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajar Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Naib Johan Qariah, Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1444 Hijrah, Dr. Siti Wardah binti Mejar (B) Haji Abd. Rahman.

Kemudian, majlis diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Pemangku Penolong Ra'es,

KUPU SB, Dr. Hajah Norwati binti Haji Abu Bakar selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1445 Hijrah.

Dalam ucapan beliau antara lain menyentuh mengenai tema sambutan iaitu 'Sunnah Dihayati, Hidup Diberkat', bukti keimanan kita kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang paling utama adalah mengikuti Baginda dalam segala segi kehidupannya, mentaati Baginda dalam setiap perintah dan larangan yang Baginda sampaikan kerana dengan mentaati Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah bukti ketaatan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

>> Muka 5



**PEMANGKU Penolong Ra'es, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Hajah Norwati binti Haji Abu Bakar selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Majlis Perhimpunan Khas Wanita menyampaikan sembah alu-aluan.**



**BACAAN** ayat-ayat suci Al-Quran oleh Naib Johan Qariah, Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1444 Hijrah, Dr. Siti Wardah binti Mejar (B) Haji Abd Rahman (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, antara jemputan wanita yang hadir pada majlis tersebut.



**ANTARA** persembahan daripada para pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (kiri dan kanan).



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1445 Hijrah, bertempat di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club.

#### >> Muka 4

"Mengikuti sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam akan meraih kecintaan dari Allah Subhanahu Wata'ala yang akan membawa kepada manfaat dan niat jahid yang bahagia serta mendapat kedudukan yang agung dalam Islam."

"Oleh itu, marilah kita sama-sama suburkan rasa cinta kasih sayang kepada kekasih kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengamalkan segala tunjuk ajar Baginda dalam setiap aspek kehidupan bukan setakat dalam ibadah khusus seperti solat, puasa sahaja malah dalam berekonomi, bersosial dan sebagainya," ujarnya.

Tambahnya, dengan mencontohi dan mengikuti cara kehidupan Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam semoga kita akan mendapat keberkatan dan kejayaan di dunia malah akan beroleh syafaat Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam di akhirat dan seterusnya

dianugerahkan syurga Allah Subhanahu Wata'ala yang penuh dengan segala kenikmatan.

Majlis diteruskan dengan Persembahan Dikir dibawakan oleh para pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD).

Majlis diserikan dengan tazkirah khas bertajuk 'Sunnah Dihayati, Hidup Diberkati' yang disampaikan oleh Penolong Profesor, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Ummi Faizah binti Haji Abd Rahman.

Isi tazkirah antara lain mengisahkan tentang kisah lebih 1,400 tahun yang lalu, di mana Allah Subhanahu Wata'ala telah mengutus Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk menyampaikan risalah Islam bagi memandu umat manusia ke arah kejayaan dunia dan akhirat.

Dalam perjuangan Baginda

tambahnya, Baginda telah membentuk, mentarbiah generasi Muslim yang berkualiti, berakhhlak mulia, dihiasi dengan keimanan yang teguh, taat setia yang tidak berbelah bahagi, sehinggakan hasil daripada didikan Rasulullah kepada para sahabat dan juga hasil dari ket�aan para sahabat kepada Baginda, orang Islam digalati dan dihormati, dakwah Islam berkembang luas ke serata dunia, yang tertindas dan dizalimi menjadi terbela, yang dulunya jahil menjadi berilmu, yang dalam kegelapan disinari dengan cahaya.

Menurutnya lagi, pada hari ini hasil dari perit jerih Baginda dan para sahabat menyebarkan Islam di mana kita sama-sama dapat hidup dalam keindahan naungan Islam sehingga Islam berdiri kukuh hingga ke saat ini berkat kepimpinan Baginda.

Acara kemudian diteruskan dengan bacaan Selawat oleh Siswi 'Aliyah Tertinggi Qira'at Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Ugama Kanan, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Dayang Noraini Yanti binti Haji Hussin.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berserta kerabat diraja kemudian berkenan

meninggalkan majlis setelah selesai acara.

Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada tahun ini dikendalikan bersama oleh KHEU, KHELN, KHEDN, MWNBD dan KUPU SB.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri menadahkan tangan ketika doa dibacakan.



**BERANGKAT** sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah; Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam (kiri dan kanan). Sementara gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan. Manakala gambar bawah tengah, Penolong Profesor, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA, Dr. Ummi Faizah binti Haji Abd Rahman menyampaikan Tazkirah Khas bertajuk 'Sunnah Dihayati, Hidup Diberkati'.



**DOA** Selamat dibacakan oleh Pegawai Ugama Kanan, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Noraini Yanti binti Haji Hussin.

# SEMBAHYANG HAJAT, DOA KHAS MEMOHON PERLINDUNGAN, KESELAMATAN PALESTIN



**YANG Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai dan kakitangan dari kementerian-kementerian juga para jemaah pada majlis tersebut (atas dan kiri).**

**KIARONG**, Khamis, 12 Oktober. - Bagi memohon doa kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar rakyat dan Negara Palestin diberi perlindungan dan keselamatan, umat Islam di Negara Brunei Darussalam bersama-sama menunaikan Sembahyang Sunat Hajat, membaca Surah Yaa Siin dan Doa Khas bertempat di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, lewat petang tadi.

Acara anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) itu dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Yang

Mulia Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai dan kakitangan dari kementerian-kementerian.

Turut hadir, mahasiswa-mahasiswa dari institusi-institusi pendidikan tinggi serta Belia Dai'e, Belia Masjid dan Muslimah Masjid.

Acara dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat bagi memohon perlindungan dan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

keselamatan untuk rakyat dan Negara Palestin yang dimamankan oleh Pegawai Masjid, Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Mustafa bin Haji Murat.

Sementara itu, bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dan Doa Khas dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Pengiran Ahmad Faris Ramadhan bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Sejurus itu, Azan Fardu Isyak dikumandangkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Awang Ahmad Syafiq bin Haji Osman manakala Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Awang Abdul Aziz bin Haji Abdullah.

Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Khas tersebut juga telah diadakan serentak di masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan beberapa buah masjid sebagai tumpuan utama di setiap daerah iaitu di Daerah Brunei dan Muara, acara diadakan di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong.

Di Daerah Belait, acara mengambil tempat di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait manakala bagi Daerah Tutong, diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong dan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar bagi Daerah Temburong.



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II semasa menyampaikan ucapan selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Program Rasmi Perkembangan Eksekutif (EDP), Siri 18/2023 yang diadakan di Mes Pegawai, Bolkiah Garison.**

## >> Muka 1

Yang Berhormat selaku tetamu kehormat majlis, menekankan perkara tersebut pada Majlis Penutup Program Rasmi Perkembangan Eksekutif (EDP), Siri 18/2023 yang diadakan di Mes Pegawai, Bolkiah Garison, di sini.

Yang Berhormat juga menggariskan kepentingan untuk terus membangun individu yang berkaliber tinggi - profesional, boleh dipercayai, dan mahir dalam mengemudi kerumitan untuk memenuhi jangkaan masa depan.

Bukan itu sahaja, Yang Berhormat turut menegaskan bahawa Melayu Islam Beraja (MIB) kekal terus berperanan

## Pembangunan kepimpinan penting, mampu atasi cabaran semasa

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

sebagai falsafah negara yang membimbang setiap keputusan bagi memastikan identiti negara kita yang unik terus terpelihara.

Menurut Yang Berhormat, dengan mengambil kira Wawasan 2035, pencapaiannya sudah pasti akan diraih oleh individu yang berkebolehan, profesional dan mampu menyesuaikan diri dengan cabaran di masa hadapan.

Pada majlis tersebut, seramai 30 pegawai-pegawai kanan dalam bidang Dasar Awam dan Pengurusan Kali Ke-18 menerima sijil tamat kursus EDP masing-masing yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Peserta kursus Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Kali Ke-18 (EDPSGO Ke-18) anjuran Kementerian Pertahanan terdiri daripada pegawai-pegawai kanan dari JPM, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan dan Pasukan Polis Diraja Brunei serta enam peserta dari luar negara termasuk dari Republik Indonesia, Malaysia, Republik Filipina, Republik Singapura, Republik Sosialis Viet Nam dan Kesultanan Oman.

Terdahulu, Pemangku Pengarah

Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah (IPPSSHHB), Awang Haji Abdul Malik bin Haji Kamis, dalam kata alu-aluannya, mengiktiraf akan peningkatan kualiti peserta kursus EDPSGO Ke-18 dan menyatakan komitmen institut ini untuk mempertingkatkan lagi program ini agar selaras dengan perkembangan semasa.

Ini disusuli dengan ucapan daripada Profesor Caroline Brassard dari Lee Kuan Yew School of Public Policy (LKYSPP) National University of Singapore dan Lettenan Kolonel (U) Mohammad Khairul bin Pehin Datu Indera Dato Paduka Seri Haji Sulaiman, selaku wakil peserta, di mana beliau mengongsikan pengalaman para peserta di sepanjang program tersebut.

Program selama tiga bulan yang dikendalikan oleh LKYSPP National University of Singapore ini dihasilkan untuk menyediakan ilmu dan latihan kepada pegawai-pegawai kanan mengenai perspektif dan rangka kerja konsep dalam bidang dasar awam dan pengurusan.

Para peserta juga diberi peluang mengadakan lawatan di kementerian-kementerian kerajaan yang terpilih dan menghadiri beberapa ceramah umum daripada penyampai tempatan dengan



**YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta program berkenaan.**

harapan untuk mengukuhkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai persekitaran strategik Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui proses-proses penggubalan dasar sejajar dengan Wawasan Brunei 2035.

Selain itu, EDPSGO Ke-18 ini juga telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Republik Singapura selama empat hari bermula 11 hingga 14 September 2023 yang lalu.

Sejak dirasmikan pada 2004, seramai 447 pegawai kanan telah berjaya menamatkan Program EDPSGO tersebut.

Turut hadir ialah Pesuruhjaya

Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei; Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB); Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi Malaysia dan Republik Singapura ke NBD, Duta-duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia; Republik Filipina; Republik Sosialis Viet Nam dan Kesultanan Oman ke NBD; dan Setiausaha-setiausaha Tetap di JPM, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan; serta wakil-wakil daripada pihak berkepentingan yang berkaitan.

# LANGKAH BERSEPADU DALAM PENCEGAHAN PENYAKIT KARDIOVASKULAR



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa melancarkan Buku Garis Panduan Kegagalan Jantung Kebangsaan - National Heart Failure Guideline Book.**

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan, semasa menyampaikan ucapan.**

## >> Muka 1

Pencegahan dan kawalan daripada Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) seperti penyakit kardiovaskular, memerlukan langkah bersepadu dari semua peringkat, terutamanya daripada aspek dasar, sistem kesihatan, tindakan masyarakat di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan setiap kelakuan individu.

Dengan pendekatan inovatif ini menurut Yang Berhormat, seseorang individu itu dilihaskan untuk membuat senaman yang merupakan sebahagian daripada rutin biasa mereka sambil mengalami perpaduan kumpulan penyertaan.

Latihan biasa tambah Yang Berhormat, seperti berjalan kaki (*brisk walks*) setiap hari, menyumbang kepada kesihatan jantung yang lebih baik, tidur berkualiti, dan meningkatkan kesejahteraan mental, akhirnya mengurangkan risiko daripada penyakit kardiovaskular.

Inisiatif lain terang Yang Berhormat, iaitu 'Indeks Kesihatan dan Risiko Penilaian', menggalakkan orang ramai untuk menilai kesihatan mereka status dan menjalani pemeriksaan kesihatan untuk awal pengesanan faktor risiko tingkah laku dan bukan-penyakit yang boleh dikomunikasikan, termasuk kardiovaskular syarat.

"Pengesanan awal melalui pemeriksaan kesihatan memudahkan rawatan tepat pada masanya dan membantu mencegah komplikasi berkaitan. Ciri pemeriksaan risiko kardiovaskular BruHealth menggunakan pelbagai data berkaitan kesihatan mata, termasuk umur, jantina, tekanan darah, kolesterol tahap, dan faktor gaya hidup untuk menilai risiko individu membangunkan penyakit kardiovaskular."

"Dengan memasukkan maklumat dan menjalani penilaian pendek ini, pengguna boleh menerima anggaran profil risiko kardiovaskular mereka dan mengambil langkah proaktif ke arah pencegahan," terangnya.

Menurut Yang Berhormat, pengesanan awal faktor risiko kardiovaskular membolehkan tepat pada masanya bagi intervensi, seperti perubahan gaya hidup dan perubatan rawatan, untuk membendung perkembangan penyakit kardiovaskular.

Selain itu katanya lagi, ciri pemeriksaan risiko BruHealth juga memudahkan pengumpulan data tanpa nama pada skala yang lebih besar.

Data agregat ini jelasnya, boleh menyumbang kepada inisiatif penyelidikan berharga yang bertujuan meningkatkan pemahaman kita tentang penyakit kardiovaskular, penapisan model penilaian risiko, dan membangunkan strategi pencegahan yang lebih berkesan.

Yang Berhormat menegaskan, ia adalah melalui usaha kerjasama pengguna dan profesional penjagaan kesihatan yang kita boleh membuat langkah penting dalam memerangi penyakit kardiovaskular pada skala yang lebih luas.

Pada dasarnya ucap Yang Berhormat, ciri pemeriksaan risiko kardiovaskular BruHealth merupakan bukti kepada potensi teknologi dalam merevolusikan penjagaan kesihatan dan

Kesihatan melancarkan BruMAP-NCD 2021-2025, dengan matlamat mengurangkan risiko kematian antara umur 30 dan 69 daripada penyakit kardiovaskular, kanser, diabetes dan penyakit pernafasan kronik sebanyak 10 peratus pada tahun 2025.

■ 'BN on the Move 2023' bertujuan untuk aktiviti fizikal dan kesejahteraan yang mana ia menggalakkan peningkatan aktiviti fizikal di kalangan masyarakat dengan menetapkan dan memberi insentif kepada orang ramai untuk mencapai sasaran langkah harian.

■ LATIHAN biasa seperti berjalan kaki (*brisk walks*) setiap hari, menyumbang kepada kesihatan jantung yang lebih baik, tidur berkualiti, dan meningkatkan kesejahteraan mental, akhirnya mengurangkan risiko daripada penyakit kardiovaskular.

■ PENGESANAN awal melalui pemeriksaan kesihatan memudahkan rawatan tepat pada masanya dan membantu mencegah komplikasi berkaitan.

■ DATA agregat ini boleh menyumbang kepada inisiatif penyelidikan berharga yang bertujuan meningkatkan pemahaman kita tentang penyakit kardiovaskular, penapisan model penilaian risiko, dan membangunkan strategi pencegahan yang lebih berkesan.

memperkasa individu untuk mengawal kesihatan kardiovaskular mereka.


Yang Berhormat menambah, dengan penggunaan aplikasi ini sebagai alat pelengkap dalam perjalanan kesihatan, kita boleh meningkatkan kesedaran, menurunkan faktor risiko, dan akhirnya mengurangkan beban penyakit kardiovaskular pada peringkat peribadi dan masyarakat.

Pada majlis itu, Buku Garis Panduan Kegagalan Jantung Kebangsaan - National Heart Failure Guideline Book telah dilancarkan oleh tetamu kehormat dan kemudian diserahkan kepada para doktor di NBD.

Buku tersebut dikeluarkan oleh The Cardiac Society Brunei Darussalam yang merupakan satu pencapaian penting dalam bidang penjagaan kesihatan kardiovaskular di negara ini.

Persatuan tersebut telah secara tekun berusaha membangunkan garis panduan menyeluruh ini untuk menangani pengurusan dan rawatan kegagalan jantung.

Garis panduan ini merupakan kemuncak kerjasama di kalangan pakar-pakar dalam bidang ini, dan komitmen untuk meningkatkan kualiti penjagaan jantung kepada rakyat di negara ini.



**BUKU Garis Panduan Kegagalan Jantung Kebangsaan - National Heart Failure Guideline Book yang dilancarkan.**

سوروهنجاۓ فرخدمت عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

## IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

### PERINGATAN PENTING

- 1 **Lengkapkan Profil PSCR 2.0** ([WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN))
- 2 **Lengkapkan Kelulusan** (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
- 3 **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap** (Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan)
- 4 **Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"**
- 5 **Lengkapkan Maklumat** (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)



1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.

2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.



+673 7371961



PSCBN



query@spa.gov.bn



Bagi Talian Whatsapp Suruhanjaya Perkhidmatan Awam



Bagi media sosial PSCBN

# CSC memperluas pengetahuan profesional secara praktikal, akademik



Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**TANAH JAMBU**, Rabu, 11 Oktober. - Dalam memahami sifat dinamik cabaran keselamatan berterusan yang menjelaskan agenda pembangunan, keamanan, kemakmuran dan kestabilan rantau, tindak balas yang strategik, holistik dan rentas-tonggak (*cross-pillar*) adalah diperlukan untuk mengurangkan kesan cabaran.

Peranan penting dasar pertahanan ke arah membangun keupayaan ketenteraan yang berkesan untuk memenuhi keperluan operasi, pada masa yang sama mendukung pendekatan Whole of Government and Whole of Nation seperti yang digariskan dalam Kertas Putih Pertahanan 2021.

Perkara berkenaan ditekankan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejari Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku tetamu kehormat, pada Majlis Penutup Kursus Maktab Turus (CSC) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Sesi Ke-13 di Akademi Pertahanan ABDB (AP ABDB), di sini.

Yang Berhormat dalam ucapannya juga meletakkan kepentingan CSC dalam melengkapi graduan dengan ilmu pengetahuan ketenteraan, kemahiran operasi, dan cerapan keselamatan bagi meningkatkan kemahiran mereka setelah memikul jawatan yang lebih tinggi.

Menurut Yang Berhormat, CSC seterusnya berfungsi sebagai saluran untuk perkongsian ilmu pengetahuan, perkembangan profesional, dan peningkatan diplomasi pertahanan dengan adanya penyertaan 16 pegawai tentera asing daripada 14 negara.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Surah Al-Mujadalah, ayat 10 hingga 13 oleh wakil peserta kursus, Mejari Mohamad Hishamuddin bin Haji Marzuki, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Komandan DA ABDB, Kolonel Pengiran Sharifuddin bin Pengiran Haji Yusof.

Pada majlis berkenaan, seramai 35 pegawai tentera tempatan dan antarabangsa menerima sijil masing-masing yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan

Menteri Pertahanan II.

Peserta CSC ABDB kali ke-13 berkenaan terdiri daripada pegawai ABDB dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) serta 16 peserta antarabangsa dari Australia, Republik Rakyat Bangladesh, Republik India, Republik Indonesia, Kerajaan Hasyimiah Jordan, Republik Korea, Malaysia, Kesultanan Oman, Republik Islam Pakistan, Republik Filipina, Arab Saudi, Republik Singapura, Kerajaan Thailand dan Amerika Syarikat (AS).

Seperti tahun-tahun sebelumnya, empat anugerah pengiktirafan diberikan kepada para peserta Kursus Maktab Turus.

Pada tahun ini, Anugerah CSC Overall Excellence diberikan kepada Mejari Andrew Keith daripada Tentera Udara AS yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II.

Sementara itu, anugerah RBAF Commendation dan anugerah Academic Excellence diberikan kepada Mejari Ernest Chin Jin Hao daripada Tentera Udara Republik Singapura, masing-masing disampaikan oleh Pemerintah ABDB, Mejari Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; dan Penolong Naib Canselor (Inovasi dan Perusahaan) UBD, Profesor Dr. Mohammad Ayub Sadiq.

Manakala, Anugerah Komandan diberikan kepada Leftenan Komander Mohd Hydzir Zuhdi bin Haji Sulaiman, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) yang disampaikan oleh Komandan AD ABDB.

Sementara itu, para peserta kursus yang lulus akan diberikan *post-nominal passed staff college (joint) [psc (j)]* dari DA ABDB dan kelulusan Graduate Diploma in Defence and Security Studies dari UBD, dan berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang Defence and Security Studies di



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Kursus Maktab Turus (CSC) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sesi ke-13 dan seterusnya menyampaikan Anugerah CSC Overall Excellence diberikan kepada Mejari Andrew Keith daripada Tentera Udara AS (atas dan kiri).

UBD.

Kursus yang dijalankan selama 40 minggu berkenaan dikendalikan dengan kerjasama UBD dengan tujuan untuk memperluaskan pengetahuan profesional secara praktikal dan akademik serta disiplin bagi mengkaji persekitaran strategik semasa dan kesannya terhadap tugas mereka yang bertugas dalam bidang pertahanan dan keselamatan.

Turut hadir ialah Pemerintah ABDB, Timbalan Pesuruhjaya Tinggi PPDB, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Penolong Naib Canselor

UBD, Pemangku Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, Pemangku Pemerintah Angkatan Bersama, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta Besar Luar Negeri, perwakilan daripada Kedutaan Luar Negeri di Negara Brunei Darussalam (NBD), Penasihat-penasihat dan Atase-atase Pertahanan yang menetap dan tidak menetap di NBD, pengarah-pengarah, komandan-komandan, Ahli-ahli Fakulti daripada UBD dan para pegawai kanan Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia  
Sila muat turun

**PenggunaBijak**



## KEMENTERIAN KESIHATAN ANJUR DOA KESYUKURAN

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam bertempat di Surau Nuurul 'Inayah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis didahului dengan Solat Fardu Asar Berjemaah diikuti dengan Solat Sunat Hajat dan diteruskan dengan bacaan Surah

Yaa Siin dan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Ketua Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital RIPAS, Awang Haji Nor Aslin bin Haji Puting.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Hadir sama, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Dr. Ang Swee Hui; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Dr. Hajah Anie Haryani binti Haji Abd. Rahman; ketua-ketua jabatan; para pegawai serta kakitangan di Kementerian Kesihatan.



Yang Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Haji Mohamed Alam bertempat di Surau Nuurul 'Inayah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Oktober. - Kementerian Kesihatan petang tadi

# PM THAILAND AKHIRI LAWATAN RASMI



PERDANA Menteri Kerajaan Thailand, Tuan Yang Terutama Srettha Thavisin melintasi Barisan Kawalan Statik yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sebelum menaiki pesawat khas (kanan). Sementara gambar kiri, Yang Berhormat Menteri Kesihatan selaku Menteri Pengiring hadir mengucapkan selamat baylor kepada Tuan Yang Terutama Srettha Thavisin serta rombongannya.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BERAKAS**, Rabu, 11 Oktober. - Perdana Menteri Kerajaan Thailand, Tuan Yang Terutama Srettha Thavisin berserta rombongan bertolak meninggalkan Bandar Seri Begawan selepas menamatkan Lawatan Rasmi

selama dua hari ke Negara Brunei Darussalam (NBD), hari ini.

Sebelum menaiki pesawat khas, TYT Srettha Thavisin melintasi Barisan Kawalan Statik yang terdiri daripada anggota

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat baylor kepada TYT Srettha Thavisin serta rombongan ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar

selaku Menteri Pengiring dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Turut hadir, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Pesuruhjaya Polis,

Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali; Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Thailand, TYT Pengiran Haji Sahari bin Pengiran Haji Salleh; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke NBD, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Arca ASEAN dan seterusnya merasmikan Laluan ASEAN (ASEAN Walk) dan Pelancaran Projek ASEAN Walk yang berlangsung di Taman Persiaran Damuan (kanan, atas dan bawah kanan).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 12 Oktober. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengadakan Majlis Perasmian Arca ASEAN, iaitu Laluan ASEAN (ASEAN Walk) dan Pelancaran Projek ASEAN Walk yang berlangsung di Taman Persiaran Damuan, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan arca dan projek berkenaan ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Juga hadir, Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi negara-negara ASEAN dan Timor Leste di Negara Brunei Darussalam (NBD),

Setiausaha-setiausaha Tetap, ketua-ketua delegasi dan delegasi dari negara-negara ahli ASEAN dan Timor Leste, Sekretariat ASEAN serta para pegawai kanan dari KKBS.

Projek Taman Arca ASEAN, sebuah projek di bawah Jawatankuasa Kecil Kebudayaan, ASEAN-COBI Brunei Darussalam, dan projek ASEAN Walk adalah antara Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) deliverables semasa NBD mempergerusikan ASEAN pada tahun 2021.

Projek Arca ASEAN merupakan kesinambungan dari Projek Arca ASEAN pada tahun 1986 yang menempatkan enam buah arca dari negara-negara ASEAN, iaitu NBD, Malaysia, Indonesia, Singapura

## Perasmian Projek Arca ASEAN



dan Thailand; dan kini penambahan sebanyak empat buah arca dari Kemboja, Laos, Myanmar dan Viet Nam.

Dengan penambahan tersebut, NBD kini menjadi ahli ASEAN pertama yang mempunyai arca ASEAN yang lengkap, dengan Taman Arca ini juga dinamakan semula sebagai Laluan ASEAN.

Selaras dengan ini, Projek ASEAN Walk dilambangkan dengan sesi berjalan kaki menyusuri di sepanjang Taman Arca atau Laluan ASEAN, yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Projek ASEAN Walk diterajui oleh para belia, yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai ASEAN dan untuk menggalakkan semangat sukarelawan dalam kalangan

masyarakat.

Projek berkenaan juga dihasilkan untuk menyerlahkan hasil pencapaian melalui kerjasama dan sumbangan kepada masyarakat dan rakyat di kesemua

negara-negara ahli ASEAN.

Pelancaran projek ini akan diikuti dengan sesi berjalan kaki yang sama, yang akan diteruskan ke negara-negara ASEAN yang lain.



# MEMPERKASA BELIA PELIHARA NILAI, WARISAN ASEAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Azmah Haji Ahad

## >> Muka 1

"Peranan belia juga akan digambarkan melalui projek-projek yang mereka mulakan dan tingkatkan sendiri. Lebih-lebih lagi, apabila belia kita terlibat dalam projek-projek ini, mereka memperoleh pengetahuan yang lebih luas tentang ASEAN dan kaitannya dengan komuniti kita.

"Dengan menyokong dan meraikan usaha mereka, kita memperkasakan mereka untuk menjadi pemimpin warisan budaya kita," ujar Yang Berhormat pada Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Jawatankuasa ASEAN Ke-58 mengenai Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN-COPI Ke-58) yang berlangsung di Rizqun International Hotel, di sini.

Yang Berhormat berucap demikian mengongsikan antara yang terkandung dalam tiga strategi dalam memastikan budaya dan warisan kekal relevan dan mampan bagi semua komuniti, dengan komunikasi yang strategik dan berkesan, terutamanya untuk generasi masa hadapan.

Tedahulu dalam ucapannya, Yang Berhormat menggariskan,

adalah penting bagi semua untuk memastikan penghantaran budaya yang tepat dari satu generasi ke generasi seterusnya.

"Globalisasi telah membawa dunia lebih rapat dengan cara yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Pertukaran budaya menjadi perkara harian, sama ada melalui pelajar yang melancong ke luar negara, mereka yang memulakan percutian ke negeri yang jauh, persahabatan antarabangsa yang dipupuk melalui acara sukan atau pendedahan kepada pelbagai bahasa di dunia kita yang saling berkaitan," ujar Yang Berhormat.

Justeru, jelas Yang Berhormat, projek dan aktiviti di bawah ASEAN-COPI memainkan peranan penting dalam pemeliharaan nilai dan warisan ASEAN, yang turut dikaitkan dengan peranan budaya ke arah merealisasikan Matlamat Pembangunan Mampan 4.7 : Pendidikan untuk Pembangunan Mampan dan Kewarganegaraan Global.

Jelas Yang Berhormat lagi, ia juga menyemarakkan lagi keperluan dalam memberikan

pengiktirafan yang sewajarnya kepada peranan berharga Living Human Treasures, rujukan kepada pembawa dan pengamal tradisional yang berbakat, mengenai penyampaian pengetahuan dan kemahiran yang tepat kepada generasi muda.

Yang Berhormat menambah, budaya tidak boleh statik, ia harus menyesuaikan diri, berkembang dan dapat menahan ujian masa.

Menurut Yang Berhormat lagi, salah satu akibat yang luar biasa daripada evolusi budaya ialah kemunculan ekonomi kreatif, yang menggunakan budaya, sejarah, tradisi ASEAN yang kaya dan kedinamikan serta tenaga kreatif belia, yang dimanifestasikan dalam pelbagai bentuk seperti reka bentuk, muzik, fesyen dan banyak lagi.

"Kita harus memikirkan cara untuk memperkasakan rakyat kita, terutamanya golongan belia, wanita dan orang kurang upaya, dalam memanfaatkan potensi kreatif mereka dan mengambil bahagian secara aktif dalam ekonomi ini.

"Ini menunjukkan bahawa budaya memainkan peranan sokongan dalam sumbangan pembangunan sosio-ekonomi ASEAN serta dari segi kesepadan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa merasmikan Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Jawatankuasa ASEAN COPI Ke-58 mengenai Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN-COPI Ke-58).

sosial dan sebahagian daripada pelaburan penting pada masa depan dunia.

"Kesemua ini menggariskan komitmen projek COPI dalam menyokong Budaya Pencegahan wanita dan masyarakat," ujar Yang Berhormat.

kepada pengetahuan berasaskan nilai, penglibatan belia dan komunikasi strategik untuk memperkasakan rakyat, dengan lebih menekankan peranan penting wanita dan masyarakat," ujar Yang Berhormat.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir pada Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat ASEAN-COPI Ke-58 (atas). Sementara gambar kiri, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS yang juga selaku Pengurus Mesyuarat ASEAN-COPI Ke-58 semasa menyampaikan ucapan pada majlis tersebut.

yang memainkan peranan penting dalam memupuk perpaduan, daya tahan dan pertumbuhan dalam komuniti.

"Ia adalah sumber kreativiti dan inovasi, identiti dan kebanggaan, dan pemacu teguh kemajuan ekonomi dan sosial," ujarnya.

Di NBD jelasnya, kita amat berbangga dengan kekayaan warisan budaya yang berakar umbi dalam Melayu Islam Beraja di mana warisan tersebut adalah bukti komitmen dalam memelihara tradisi dan nilai yang membentuk negara.

Melalui mesyuarat itu, beliau mengalukan semua untuk bertukar-tukar idea dan bekerja secara kolaboratif ke arah memanfaatkan kuasa transformatif budaya untuk pembangunan mampan Komuniti ASEAN kita.

Beliau yakin perbincangan itu bukan sahaja akan memperdalam lagi kefahaman tentang peranan budaya dalam membentuk masa depan tetapi juga memberi inspirasi kepada tindakan konkret yang akan memberi manfaat kepada negara dan rakyat.

Turut hadir, Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi Negara-negara ASEAN dan Timor Leste di NBD,

Setiausaha-setiausaha Tetap, Ketua-ketua Delegasi dan delegasi dari Negara-negara Ahli ASEAN dan Timor Leste, Sekretariat ASEAN serta pegawai-pegawai kanan KKBS.

Acara kemudian diteruskan dengan Mesyuarat Plenari dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS yang dihadiri oleh ketua dan delegasi dari Negara Ahli ASEAN dan ASEAN Sekretariat.

Mesyuarat ASEAN-COPI Ke-58 adalah merupakan mesyuarat yang diadakan secara tahunan yang membincangkan mengenai projek-projek di bawah Jawatankuasa Kecil Kebudayaan (SCC) dan Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI).

Mesyuarat tersebut juga membincangkan kegiatan-kegiatan kebudayaan dan penerangan ASEAN yang selaras dengan ketetapan semasa ASEAN Ministers Responsible for Culture and Arts (AMCA) dan ASEAN Ministers Responsible for Information (AMRI).

Kegiatan-kegiatan tersebut ada termasuk dalam ASEAN pelan tindakan mengenai kebudayaan dan penerangan yang dibiayai oleh ASEAN Cultural Fund.

## Perasmian Mesyuarat ASEAN-COPI Ke-58



**GADONG**, Rabu, 11 Oktober. - Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Jawatankuasa ASEAN Ke-58 mengenai Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN-COPI Ke-58) yang bermula pada 9 hingga 12 Oktober 2023 di Rizqun International Hotel, di sini.

Mesyuarat tersebut dianjurkan bersama oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Hadir selaku tetamu kehormat

pada Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Jawatankuasa ASEAN Ke-58 mengenai Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN-COPI Ke-58) ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Majlis dimulakan dengan ASEAN Anthem dan seterusnya bacaan Surah Al-Fatiha, Doa Selamat serta Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dipimpin oleh Pegawai Pemantau Zon 2, Masjid Daerah

Brunei dan Muara, Awang Haji Muhd. Azrol Alim bin Haji Zaini.

Sementara itu, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Dayang Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah yang juga selaku Pengurus Mesyuarat ASEAN-COPI Ke-58, dalam ucapannya menjelaskan bahawa perhimpunan tersebut menekankan kepentingan budaya dan maklumat dalam bidang pembangunan mampan.

Menurutnya, budaya merupakan asas di mana masyarakat dibina

# MENIMBA ILMU PENGETAHUAN TANGANI ANCAMAN JENAYAH TERKINI

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**GADONG**, Khamis, 12 Oktober. - Sejak penubuhannya lebih daripada 100 tahun yang lalu, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah menjadi agensi tertua dan utama yang bertanggungjawab bagi keselamatan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Dalam hal ini, adalah tidak dinafikan bahawa tugas PPDB semakin mencabar pada masa ini dengan adanya perubahan trend jenayah yang mengikut peredaran masa dan perkembangan teknologi yang pesat.

Oleh yang demikian, para Pegawai Inspektor Percubaan dan Pelatih Konstabel Lelaki perlu sentiasa rajin untuk menimba ilmu pengetahuan untuk menangani ancaman-ancaman jenayah yang terkini termasuk jenayah rentas sempadan dan jenayah siber seperti aktiviti penipuan menggunakan teknologi media sosial.

Timbalan Menteri (Sekuriti dan

Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu menyatakan perkara tersebut pada Majlis Perbarisan Tamat Latihan Pegawai Kadet Inspektor Percubaan Skuad 1/2023 dan Pelatih Polis Konstabel Lelaki Skuad 1/2022 di Padang Kawad Besar, Pusat Latihan Polis, Kompleks Ibu Pejabat Polis, Gadong.

Menyentuh mengenai imej dan kredibiliti pasukan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian menegaskan, disiplin merupakan elemen yang paling penting di dalam keperibadian seorang pegawai dan anggota polis.

Para Pegawai Inspektor Percubaan dan Pelatih Konstabel Lelaki jelasnya hendaklah sentiasa mengekalkan tahap disiplin yang tinggi supaya menjadi contoh dan selayaknya digelar sebagai seorang pegawai dan anggota polis yang berwibawa dan berkredibiliti.

"Biskita juga dinasihatkan untuk sentiasa menggunakan kuasa-kuasa yang diberikan selaras dengan peruntukan undang-undang negara dan menghindari daripada penyalahgunaan kuasa semasa menjalankan tugas," tambah Yang Mulia Dato Seri Paduka.

Sehaluan dengan itu, PPDB telah memperkenalkan 'Kod Etika dan Kelakuan PPDB' yang bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada semua warga pasukan mengenai piawaian etika dan tingkah laku profesional yang mesti dipatuhi semasa bertugas serta tindakan-tindakan yang boleh dikenakan jika tidak dipatuhi.

Menurut Yang Mulia Dato Seri Paduka, ini adalah merupakan salah satu inisiatif pasukan di dalam membendung isu disiplin dan integriti di dalam warga pasukan.

Sebarang pelanggaran Kod Etika dan disiplin ujarnya akan ditangani dengan serius dan pihak pengurusan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas termasuk pendakwaan di

YANG Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri semasa berucap pada Majlis Perbarisan Tamat Latihan Pegawai Kadet Inspektor Percubaan Skuad 1/2023 dan Pelatih Polis Konstabel Lelaki Skuad 1/2022.

mahkamah atau ditamatkan daripada perkhidmatan.

"Oleh yang demikian, Pegawai Inspektor Percubaan dan Pelatih hendaklah sentiasa berusaha untuk meningkatkan imej dan kredibiliti pasukan di mata orang ramai dengan mencapai tahap profesionalisme, disiplin dan integriti yang tinggi. Jadilah modal insan kepada warga pasukan yang lain serta kepada masyarakat umum," jelasnya.

Yang Mulia Dato Seri Paduka turut mengingatkan, sebagai pegawai dan anggota agensi penguatkuasaan undang-undang yang utama di Negara Brunei Darussalam, para Pegawai Inspektor Percubaan dan Pelatih Konstabel Lelaki perlu



menggalas segala amanah dan kepercayaan yang diberikan dengan penuh beretika, berintegriti, bertanggungjawab dan sambil menghormati hak-hak asasi manusia, selaras dengan nilai-nilai teras PPDB dan falsafah Melayu Islam Beraja.

## Upacara Perbarisan Tamat Latihan PPDB



**GADONG**, Khamis, 12 Oktober. - Dalam usaha untuk melahirkan pegawai dan anggota polis yang bertaualiah, berkeyakinan dan berkemampuan, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Pusat Latihan Polis telah berjaya melalih seramai 20 Pegawai Kadet Inspektor Percubaan dan 99 Pelatih Rekrut Polis Konstabel Lelaki dalam Latihan Asas Kepolisian selama sembilan bulan.

Seramai 20 orang Pengambilan Pegawai Kadet Inspektor Percubaan Skuad 1/2023 terdiri daripada 16 orang lelaki dan empat wanita dan 99 orang Pelatih Rekrut Polis Konstabel Lelaki, telah menamatkan latihan asas kepolisian dalam Upacara Perbarisan Tamat Latihan yang berlangsung di Padang Kawad, Pusat Latihan Polis, PPDB, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada upacara berkenaan ialah Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin

YANG Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri selaku tetamu kehormat semasa memeriksa perbarisan pegawai-pegawai kadet dan rekrut lelaki dan perbarisan kawalan kehormatan.

Kadet dan Rekrut Terbaik. Pegawai Kadet Mohammad Hamizan bin Haji Mohammad Din dipilih sebagai penerima Anugerah Terbaik bagi Pegawai Kadet Inspektor Percubaan Skuad 1/2023, yang juga menerima Anugerah Pedang Kehormat (Sword of Honor).

Manakala Konstabel Polis 7024 Muhammad Nurwafiq bin Haji Jasmin terpilih sebagai Pelatih Terbaik Keseluruhan dan Akademik dan Anugerah Pelatih Terbaik dalam Latihan Luar pula diterima oleh Konstabel Polis 7039 Mohammad Asril bin Asli.

Acara kemudian diteruskan dengan perbarisan berjalan lalu dalam masa gerak perlahan dan cepat serta mara ke hadapan oleh para Pegawai Kadet Inspektor Percubaan Skuad 1/2023 dan Pelatih Konstabel Lelaki Skuad 1/2022.

Program latihan ini, direka untuk



سوروهنجاي فرخدمتن عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**PASTIKAN AWDA MEMENUHI SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BAGI JAWATAN YANG AKAN DIPOHON**

Maklumat profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** Skim Iklan akan **tidak disenaraipendekkan**

Info Percu Semari Iklan

Rangkaian Iklan	2022/AU/033	Bahagian	1
Jawatan	PEGAWAI TUGAS-TUGAS (64)	Tarikh Gaji	8.2.2023
Kementerian	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN Sukan	Kelulusan	1
Jabatan	PUTAT SEKAYAH BRUNEI	Jenis Iklan	7(A)
Unit		Tarikh Mula	05 SEPTEMBER 2023
		Tarikh Tutup	23 SEPTEMBER 2023

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- (1) Mampu dan berkebolehan untuk melaksanakan tugas-tugas yang dibenarkan.
- (2) Memahami dan mengikuti peraturan dan peraturan yang berlaku di dalam kerajaan.
- (3) Mampu dan berkebolehan untuk berinteraksi dengan rakyat dan ahli politik.
- (4) Mampu dan berkebolehan untuk berinteraksi dengan ahli politik.

SKIM IKLAN

menyediakan rekrut untuk tuntutan dinamik dan mencabar penguatkuasaan undang-undang moden, merangkumi kurikulum menyeluruh yang merangkumi pelbagai aspek penguatkuasaan undang-undang, etika, penglibatan komuniti dan kecergasan fizikal.

Selama sembilan bulan, rekrut-rekrut ini telah menjalani latihan intensif untuk memastikan mereka benar-benar bersedia untuk mengekalkan standard

tertinggi penguatkuasaan undang-undang.

Latihan asas ini direka untuk menyediakan pegawai dan anggota baharu untuk menempuh tugas-tugas penguatkuasaan undang-undang yang kian mencabar dengan keperibadian kepolisian, merangkumi kurikulum pelbagai aspek seperti penguatkuasaan undang-undang negara, etika kerja dan disiplin dan kecergasan fizikal dan mental.



# Pesta Konvo PB Ke-9 dirasmikan

Oleh : Rohani Haji Abd. Hamid  
Foto : Alisahrin Haji Momin



**ONG SUM PING**, Jumaat, 13 Oktober. - Bagi sama-sama meraikan kejayaan graduan Politeknik Brunei (PB), Pesta Konvo bersempena Majlis Konvokesyen PB Ke-9 dilancarkan petang ini di Pusat Sehenti Aras 2, di pusat berkenaan.



Pesta Konvo berkenaan diadakan bagi menghargai sokongan, bimbingan dan inisiatif daripada Lembaga Pengelola PB, tenaga pengajar dan kakitangan, rakan-rakan industri, dan juga masyarakat.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan acara berkenaan, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, selaku Pengurus Lembaga Pengelola PB.

Sejurus pelancaran berkenaan, tetamu kehormat menyaksikan beberapa petak pameran dan gerai jualan.

Terdahulu itu, Pemangku Pengarah PB, Awang Lim Kian Boon dalam ucapan alu-aluan antara lain mengongsikan, Pesta Konvo berkenaan berlangsung sehingga 15 Oktober 2023 dengan menawarkan pelbagai aktiviti seperti pameran-pameran projek tahun akhir pelajar PB yang terpilih dan Hari Pemasaran Kerjaya



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal) semasa hadir dan seterusnya melancarkan Pesta Konvo bersempena Majlis Konvokesyen PB Ke-9 (atas). Sementara gambar kiri, bawah kiri dan bawah kanan, Yang Mulia semasa menyaksikan beberapa petak pameran.

(Market Day).

"Market Day menampilkan agensi-agensi kerajaan dan swasta yang menawarkan peluang-peluang pekerjaan kepada graduan-graduan PB.

"Di samping itu, klinik penulisan Curriculum Vitae (CV) dan temu duga juga disediakan dan dikendalikan oleh tenaga pengajar PB sendiri untuk meningkatkan lagi peluang mendapatkan pekerjaan," jelas Awang Lim Kian Boon.

Menurutnya lagi, sebanyak 14 agensi kerajaan dan swasta telah turut serta di Market Day pada tahun ini dan sebanyak enam agensi swasta yang menawarkan temu duga terbuka dari 13 hingga 15 Oktober ini.

Pesta Konvo nanti akan diakhiri dengan Majlis Penghargaan Graduan PB yang akan diadakan pada 21 Oktober 2023 di Jerudong Park Amphitheatre dan majlis penutup berkenaan dikendalikan sepenuhnya oleh Majlis Perwakilan Pelajar, PB untuk memberi penghargaan serta meraikan kejayaan yang diperoleh.

Majlis Konvokesyen PB Ke-9 akan diadakan pada 19 Oktober 2023 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



# RB RAIKAN PENGOPERASIAN BOEING 787 DREAMLINER KE-10

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BERAKAS**, Khamis, 12 Oktober. - Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB), hari ini meraikan Ulang Tahun Ke-10 pengoperasian pesawat Boeing 787 Dreamliner, bertempat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Hadir pada majlis tersebut, Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Laurence Bay Siow Hon; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke NBD, Puan Yang Terutama Caryn McClelland dan Field Service Representative of Boeing, Marty Lee.

Mewakili RB bagi menyampaikan ucapan alu-aluan bagi pihak Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Sabrin bin Haji Abdul Hamid pada majlis tersebut ialah Pemangku Ketua Pegawai Operasi RB, Awang Haji Badarudin bin Haji Bagol.

Menurut Kapten Sabrin, kesmasukan Boeing 787 ke dalam armada RB bukan sahaja memainkan peranan penting dalam perjalanan penjenamaan semula sedekad yang lalu tetapi pesawat mesra alam itu juga berperanan sebagai pemangkin kepada usaha kelestarian RB.

"Boeing 787, dengan penjimatan bahan api 25 peratus, pengurangan pelepasan dan pengurangan bunyi bising

sesi bergambar ramai pada Ulang Tahun Ke-10 pengoperasian pesawat Boeing 787 Dreamliner.

sebanyak 60 peratus yang luar biasa berbanding jet generasi sebelumnya, telah membolehkan kami memberikan pengalaman penumpang yang tiada tandingan.

"Ia memastikan perjalanan yang selesa untuk penumpang kami sambil meminimumkan kesan alam sekitar perjalanan udara. Di RB, kami komited untuk merangka hala tuju untuk hari esok yang lebih hijau dan komitmen ini adalah teras kepada semua yang kami lakukan," jelasnya.

Beliau turut merakamkan ucapan penghargaan atas sokongan penting pasukan Boeing kepada RB selama ini.

Perkongsian RB bersama Boeing bermula pada tahun 1975 dengan pesawat 737 dan RB berharap akan lebih banyak lagi kerjasama terjalin dalam tahun-tahun mendatang.

RB menerima penghantaran 787 Dreamliner pertamanya pada 3 Oktober 2013, menandakan pencapaian besar dengan menjadi syarikat penerbangan pertama di



rantaui Asia Tenggara yang mengendalikan 787.

Pesawat berkenaan diperkenalkan secara rasmi pada Majlis Pelancaran Khas pada 12 Oktober 2013 sebelum mengendalikan penerbangan komersial pertamanya pada 18 Oktober 2013 ke Singapura.

Bagi memperingati peristiwa bersejarah ini, para penumpang

dalam penerbangan BI423 dan BI424 telah disambut dengan goodie bag edisi khas daripada RB dan Boeing di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi di Singapura.

Dengan hampir lima dekad di bawah sayapnya, RB baru-baru ini telah dianugerahkan penarafan lima bintang untuk Kategori Syarikat Penerbangan

Utama oleh Airline Passenger Experience Association (APEX) sebagai bukti dedikasi syarikat penerbangan itu untuk menyampaikan perkhidmatan yang luar biasa kepada penumpangnya di seluruh dunia.

RB kini mengendalikan 14 buah pesawat merangkumi lima buah Boeing 787-8 Dreamliner dan tujuh buah pesawat Airbus A320Neo.

# Majlis Khatam sempena tamat latihan



**PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran tersebut (atas kanan). Sementara gambar atas, Pegawai Kadet Inspektor Percubaan Skuad 1/2023 dan 99 Pelatih Polis Konstabel Lelaki Skuad 1/2022 yang diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran.**

**GADONG**, Rabu, 11 Oktober. - Seramai 20 Pegawai Kadet Inspektor Percubaan Skuad 1/2023 dan 99 Pelatih Polis Konstabel Lelaki Skuad 1/2022 diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran sebagai salah satu upacara program sebelum Upacara Perbarisan Tamat Latihan bagi pelatih-pelatih rekrut Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Turut hadir, pengarah dan

## Majlis Khatam Al-Quran sempena Majlis Konvokesyen PB Ke-9

■ Siaran Akhbar dan Foto : Politeknik Brunei

**TUNGKU LINK**, Khamis, 12 Oktober. - Seramai 684 daripada 768 bakal graduan Politeknik Brunei (PB) terdiri daripada 321 pelajar lelaki dan 363 pelajar perempuan telah diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran sempena Majlis Konvokesyen PB Ke-9, Tahun 2023 di Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Presiden Pertubuhan Ukur Jurutera dan Arkitek (PUJA), Sr. Awang Haji Mohammad Hanafi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman selaku Ahli Lembaga Pengelola, PB.

Turut hadir, Pemangku Pengarah PB, Awang Lim Kian Boon; Penolong Pengarah (Korporat, Perancangan dan Perkembangan) PB; dan Penolong Pengarah (Akademik) PB serta jemputan-jemputan khas yang terdiri daripada Pengarah-pengarah Jabatan dan Ketua-ketua Bahagian / Unit di bawah Kementerian Pendidikan, Pegawai-pegawai Kanan, Pegawai-pegawai, Pensyarah-pensyarah dan kakitangan dan Ahli Majlis Perwakilan Pelajar PB.

Majlis Khatam Al-Quran dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah yang diketuai oleh tetamu kehormat majlis dan diteruskan dengan pembacaan surah-surah khatam oleh peserta-peserta khatam.

Kemudian, majlis diteruskan dengan bacaan Doa Khatam oleh Graduan program Level 5 Diploma in Business Studies, Awang Abdur Raqib Mulhim bin Azman, dan diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Imam Masjid UBD, Awang Mohaimin bin Dr. Haji Serbini.

Majlis Khatam Al-Quran tersebut adalah salah satu acara kemuncak sempena Majlis Konvokesyen PB Kali Ke-9, Tahun 2023 bagi bakal-bakal graduan yang mana acara Kemuncak Majlis Konvokesyen PB Ke-9 akan diadakan pada Khamis, 19 Oktober 2023 bertempat di Dewan Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Tujuan Majlis Khatam Al-Quran itu diadakan ialah untuk memartabatkan Al-Quran sebagai dasar segala ilmu di samping mengambil sukut barakah Wahyu Allah.



**PRESIDEN** Pertubuhan Ukur Jurutera dan Arkitek (PUJA), Sr. Awang Haji Mohammad Hanafi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman selaku Ahli Lembaga Pengelola, Politeknik Brunei (PB) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran sempena Majlis Konvokesyen PB Ke-9, Tahun 2023.

timbalan pengarah, ketua-ketua formasi, pegawai-pegawai pemerintah daerah polis, pegawai-pegawai kanan serta ahli keluarga para pelatih rekrut yang diraikan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah beramai-ramai yang dipimpin oleh tetamu kehormat diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran diketuai oleh Rekrut 7055 Awangku Muhammad Zulhilmi Ahza bin Pengiran Kahar.

Kemudian bacaan Takhtim Al-Quran diketuai oleh Pegawai

Kadet Inspektor Percubaan Muhammad Hafiz Hamizan bin Awang Johari dan seterusnya Dikir Marhaban oleh semua Pegawai Kadet Inspektor Percubaan Skuad 1/2023 serta Pelatih Polis Konstabel Lelaki Skuad 1/2022.

Para Pegawai Kadet Inspektor Percubaan Skuad 1/2023 serta Pelatih Polis Konstabel Lelaki Skuad 1/2022 juga tidak melepaskan peluang

untuk menyampaikan cenderahati kepada tetamu kehormat.

Acara diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Pegawai Kadet Inspektor Percubaan, Abdul Rahim bin Idrin Roslan.

Para Pegawai Kadet Inspektor Percubaan Skuad 1/2023 dan para Pelatih Rekrut Skuad 1/2022 ini akan menamatkan latihan kepolisian dengan Upacara Perbarisan Tamat Latihan yang akan diadakan pada 12 Oktober 2023 bertempat di Padang Kawad Besar PLP.

## UBD 'A' juara Pesta Pantun

**BERAKAS**, Khamis, 12 Oktober. - Kumpulan UBD 'A' dari Universiti Brunei Darussalam (UBD) menjuarai Pertandingan Pesta Pantun antara Institusi Pengajian Tinggi Negara Brunei Darussalam (IPT NBD) 2023.

Naib juara disandang oleh UNISSA 'B' dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan tempat ketiga ialah pasukan UNISSA 'A'.

Sementara itu, Dayang Anis Elyana binti Anuar dari Kumpulan UNISSA 'B' diumumkan sebagai Pemantun Terbaik.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Peringkat Akhir Pesta Pantun antara IPT NBD 2023 yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad.

Turut hadir, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Tuan Yang Terutama Raja Dato' Reza bin Raja Zaib Shah; Rektor UNISSA, Dr. Haji Norfarhan bin Haji Zainal; Penolong-penolong Rektor UNISSA, pegawai pegawai utama UNISSA, wakil-wakil dari IPT serta pensyarah-pensyarah.

Sebanyak lima kumpulan ikut serta dalam pertandingan tersebut iaitu dua pasukan dari UNISSA, dua pasukan dari UBD dan satu pasukan dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Pertandingan merupakan cetusan idea Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, TYT Raja Dato' Reza dalam usaha pengekalan (sustainability) untuk memartabatkan pantun sebagai puisi tradisi Melayu yang diwarisi sejak zaman-berzaman dan dihayati oleh generasi muda.

Pesta pantun tersebut dikelolakan oleh UNISSA dan



**TUAN Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia menyampaikan hadiah kepada juara Pertandingan Pesta Pantun antara Institusi Pengajian Tinggi Negara Brunei Darussalam 2023 (atas). Sementara gambar bawah, antara peserta yang menyertai pertandingan tersebut.**

■ Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Antara objektif pesta pantun itu adalah untuk menonjolkan bakat-bakat terpendam mahasiswa dan mahasiswi dalam bidang seni pantun agar dapat berkembang ke peringkat kebangsaan dan seterusnya mewakili negara ke peringkat antarabangsa.

Di samping itu, ia juga dihasrat dapat mengekal dan mengembangkan seni berpantun sebagai khazanah puisi Melayu tradisional dan warisan bangsa.

Pengalaman yang dapat diperoleh daripada pertandingan diharapkan dapat menggalakkan daya berfikir para pelajar IPT dalam berpantun dengan cepat, tepat, kritis dan kreatif termasuk dapat membina keyakinan diri dan sedia bersaing secara sihat dalam pertandingan.



# AHLI-AHLI MMN TINJAU BEBERAPA TAPAK PERUSAHAAN PERTANIAN



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa membuat lawatan ke salah sebuah lokasi Tapak Perusahaan Pertanian di Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Tutong (atas kanan, atas kiri dan bawah kanan).

Oleh : Dk. Vivy Maessa Pg. Ibrahim  
Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

**TUTONG**, Rabu, 11 Oktober. - Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) hari ini membuat lawatan ke beberapa lokasi Tapak-tapak Perusahaan Pertanian di Daerah Brunei dan Muara serta Tutong.

Lawatan ini adalah merupakan salah satu daripada beberapa siri lawatan yang telah diatur oleh pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) bagi mengongsikan dan seterusnya memberikan kefahaman serta membarigakan mengenai dengan perkembangan dan pencapaian terkini usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan secara berterusan oleh KSSUP dan para pengusaha dalam memastikan keluaran serta sumbangan dari Sektor Sumber-sumber Utama dan Pelancongan kepada pertumbuhan KDNK akan terus meningkat dari tahun ke tahun.

Program Lawatan Kerja ini juga diatur bagi memberikan pendedahan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli MMN mengenai dengan teknik serta sistem perladangan moden dan teknologi-teknologi terkini yang diguna pakai oleh pengusaha-pengusaha dalam meningkatkan produktiviti dan hasil keluaran perusahaan masing-masing.

Seterusnya memberikan peluang untuk berinteraksi secara langsung dengan para pengusaha

terbabit; mengetahahkan penglibatan anak-anak tempatan sebagai pemilik secara persendirian ataupun usaha sama (*joint-venture*) dengan pengusaha-pengusaha asing dan juga peluang-peluang pekerjaan yang disediakan kepada anak-anak tempatan.

Seramai 16 orang dalam rombongan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN telah menyertai program lawatan ini.

Turut serta bagi lawatan tersebut ialah Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiati binti Haji Abdul Wahab dan Timbalan Setiausaha Tetap I, KSSUP, Awang Haji Mohd. Yusree bin Haji Junaidi; Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan serta beberapa orang pegawai kanan dari KSSUP dan jabatan-jabatan di dalamnya.

Ladang pertama yang dilawat oleh rombongan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN adalah ladang penanaman buah-buahan tidak bermusim iaitu pengeluaran pisang Cavendish yang diusahakan oleh Syarikat Green Technology Farm yang terletak di Lot 3, A2 dan D1-1 di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Batang Mitus.

Syarikat yang diurus oleh Awang Yeo Kok Ket di atas tapak seluas 44 hektar telah mula bergiatan sejak tahun 2018. Syarikat ini telah berjaya meningkatkan pengeluaran hasil ladangnya sebanyak 82,019kg pada tahun

2021 kepada 152,598kg pada tahun 2022.

Pada tahun ini dari bulan Januari hingga bulan Julai, syarikat telah mengeluarkan hasil ladangnya sebanyak 146,300kg bernilai BND301,074.43 dan memiliki seramai 15 pekerja dan dua daripadanya ialah pekerja tempatan. Syarikat ini juga merupakan syarikat yang akan menjalankan kerjasama pengeluaran hasil pisang secara usaha sama bersama Majlis Perundingan Kampung (MPK).

Syarikat ini berperanan sebagai *anchor company* yang akan menjalankan aktiviti penanaman, penjagaan dan seterusnya lepas tuai, manakala MPK berperanan sebagai pelabur dan memastikan pengeluaran hasil pisang adalah konsisten bagi tujuan pasaran tempatan dan ekspor.

Rombongan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN meneruskan sesi lawatan ke ladang milik Harvest Moon yang terletak di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Kilanas di Lot K1 yang dimiliki dan diurus oleh Awang Haji Muhammad Zulfadhlil Ibnu bin Haji Md. Huzaimi di atas tapak yang keseluruhannya seluas lebih kurang 1.3 hektar bagi menjalankan aktiviti penanaman buah melon.

Syarikat ini mula ditawarkan tapak pada awal tahun 2023 dan mempunyai dua pekerja tempatan untuk menanam buah melon.

Dari Syarikat Harvest Moon, lawatan diteruskan ke Syarikat Akmal Asmaan Agriculture Farm

yang terletak di Lot K3, Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei (BARC) Kilanas di atas tapak seluas 1.14 hektar.

Syarikat berkenaan dimiliki dan diurus oleh Awang Hamidun bin Haji Mahat menjalankan perusahaan tanaman sayur-sayuran iaitu mengeluarkan komoditi hasil seperti tanaman kacang panjang, petola, timun dan lada susu.

Pada tahun 2022, keluaran hasil ladang syarikat adalah sebanyak 13,014kg. Pada masa ini, syarikat tersebut mempunyai pekerja seramai tiga orang yang terdiri daripada seorang anak tempatan.

Lawatan berakhir di Syarikat Wina Wiya Enterprise yang terletak di Lot K16, Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei (BARC) Kilanas.

Tapak perusahaan yang diusahakan oleh syarikat ini

merupakan tapak tambahan di bawah program *expansion* dan diberikan seluas 2 hektar.

Syarikat yang dimiliki dan diurus oleh Awang Hamidun bin Haji Mahat menjalankan perusahaan tanaman sayur-sayuran iaitu mengeluarkan komoditi hasil seperti tanaman kacang panjang, petola, timun dan lada susu.

Pada tahun ini hingga bulan September syarikat ini mengeluarkan hasil ladang sebanyak 33,213kg dan mempunyai seramai enam pekerja asing.

Program lawatan bagi Yang Berhormat Ahli MMN akan diteruskan lagi dengan siri lawatan kedua iaitu lawatan ke Tapak-tapak Perusahaan Pertanian dan Perhutanan di Daerah Belait yang dijadualkan pada Rabu, 18 Oktober 2023.



ANTARA tanaman yang dihasilkan di beberapa lokasi Tapak-tapak Perusahaan Pertanian di Daerah Brunei dan Muara serta Daerah Tutong (atas dan kiri).



# RETREAT BELIA BERIKAN KESEDARAN TENTANG KESIHATAN MENTAL



TUAN Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam semasa bergambar ramai bersama para peserta Retreat Belia "R U OK Brunei Darussalam?" kali pertama (atas). Sementara gambar kanan, antara aktiviti yang diadakan pada retreat tersebut.

**TUTONG**, Jumaat, 13 Oktiber. - Retreat Belia "R U OK Brunei Darussalam?" kali pertama yang berlangsung baru-baru ini adalah sebahagian daripada Bulan Kesihatan Mental Sedunia, bagi memberikan kesedaran tentang kesihatan mental di negara ini yang semakin meningkat.

Dimulakan oleh Suruhanjaya Tinggi Australia di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan kerjasama Pusat Promosi Kesihatan (HPC), retreat tersebut memberi peluang kepada belia Brunei untuk menyertai program setengah hari itu yang disesuaikan untuk mempelajari strategi baharu dalam menguruskan kesihatan mental dan kesejahteraan.

Retreat tersebut diadakan di

Ladang Mori di Daerah Tutong, menyediakan peserta dengan persekitaran yang tenang untuk mengembangkan kemahiran baharu ini.

Kebanyakan peserta adalah pelajar dari institusi-institusi pengajaran tinggi termasuk Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).

Para pelajar mendapat manfaat daripada bimbingan pakar oleh profesional kesihatan mental di Clarity Brunei dan More to Bloom.

HPC juga menyediakan maklumat-maklumat kepada para peserta tentang pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan di negara ini dalam menangani

keperluan kesihatan mental mereka.

Peserta membincangkan "R U OK?" strategi yang dimulakan oleh "R U OK?" Foundation, sebuah organisasi kesihatan mental Australia.

Strategi itu menggalakkan orang ramai untuk terus berhubung dengan kawan-kawan, keluarga dan rakan sekerja dengan memulakan pertanyaan ringkas "Adakah awda OK?". Soalan mudah ini boleh membantu orang lain melalui masa sukar dalam hidup mereka.

Pesuruhjaya Tinggi Australia ke NBD, Tuan Yang Terutama Luke Arnold berkata, retreat tersebut ditubuhkan hasil daripada inisiatif Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Siaran Akhbar dan Foto : Suruhanjaya Tinggi Australia di Negara Brunei Darussalam



Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bagi menggalakkan kerjasama kesihatan mental.

"Baginda berjaya menyatakan semua pemimpin rantau ini untuk mendaftar pada Kenyataan Pemimpin Sidang Kemuncak Asia Timur mengenai Kerjasama Kesihatan Mental.

"Australia berbangga kerana menjadi penaja bersama penyataan tersebut dan kini kami memastikan bahawa komitmen terhadap kesihatan mental ini memberikan manfaat kepada penduduk di rantau kongsi kami,"

jelas Tuan Yang Terutama.

Tambah TYT, sama seperti strategi "R U OK?", yang melibatkan mendengar keperluan orang di sekeliling kita, Australia komited untuk mendengar dan bertindak balas terhadap keperluan jiran seperti Brunei.

Kerjasama kesihatan mental akan membentuk bahagian penting dalam aktiviti di bawah Perkongsian Komprehensif Brunei - Australia, yang ditandatangani oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Australia, Tuan Yang Terutama Anthony Albanese semasa Lawatan Negara baginda ke Australia pada bulan Jun.

## SU Pusar Ulak johan Pertandingan Kuiz Al-Falah



KETUA Unit Akademik, Bahagian Sekolah Ugama, Jabatan Pengajian Islam (JPI), KHEU, Dayang Sunarty binti Ahmad menyampaikan hadiah kepada johan Pertandingan Kuiz Al-Falah bagi Sekolah-Sekolah Ugama Kawasan Brunei I Tahun 1445H / 2023M, iaitu Sekolah Ugama (SU) Pusar Ulak (kiri) dan naib johan, SU Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengajian Islam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 13 Oktober. - Sekolah Ugama (SU) Pusar Ulak muncul johan pada Pertandingan Kuiz Al-Falah bagi Sekolah-Sekolah Ugama Kawasan Brunei I Tahun 1445H / 2023M yang diadakan baru-baru ini di SU Pengiran Anak Puteri Masna.

Sementara itu, naib johan dimenangi oleh SU Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, diikuti SU Pelambayan di tempat ketiga, dan tempat keempat disandang oleh SU Mabohai.

Pada pertandingan tersebut, Nuraliya Batrisya @ Qalisha

binti Azri dari SU Pusar Ulak terpilih sebagai Peserta Terbaik pertandingan tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan, Ketua Unit Akademik, Bahagian Sekolah Ugama, Jabatan Pengajian Islam (JPI), KHEU, Dayang Sunarty binti Ahmad.

Pertandingan Kuiz Al-Falah diadakan sebagai usaha Bahagian JPI di bawah Program An-Najah bagi mendukung Rancangan Strategik KHEU 2020-2024.

motivasi dalam kalangan murid Darjah VI sebelum menghadapi Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSRU).

Pertandingan Kuiz Al-Falah yang dibukukan kepada murid-murid Darjah VI Sekolah-sekolah Ugama Kawasan Brunei I, dan dikendalikan oleh Jawatankuasa Pemimpin-pemimpin Sekolah-sekolah Ugama Kawasan Brunei I.

Acara tersebut juga merupakan salah satu usaha Sekolah Ugama, JPI di bawah Program An-Najah bagi mendukung Rancangan Strategik KHEU

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

کمپتنین کھیپتھن  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.ppk.gov.bn](http://www.ppk.gov.bn)



PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA  
Selamatkan Usus Awda

\*Sasaran pemeriksaan:  
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

# PENYERAHAN SURAT LANTIKAN PENASIHAT, AJKT MASJID KAMPUNG PENANJONG



**Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**TUTONG**, Khamis, 12 Oktober. - Peranan dan tanggungjawab bagi memakmurkan masjid bukanlah hanya serahkan bulat-bulat kepada pihak pegawai masjid atau imam semata-mata.

Namun Jawatankuasa Takmir Masjid juga berperanan bagi menggerakkan sebarang bentuk aktiviti-aktiviti ke arah mengimarahkan masjid sebagai tempat yang sentiasa relevan kepada masyarakat Islam di semua peringkat termasuklah golongan

belia Islam untuk secara konsisten hadir ke masjid.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan selaku Ketua Kampung Sengkarai menekankan perkara itu semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyerahan Surat-surat Lantikan kepada Penasihat-penasihat dan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Penanjong bagi Sesi 2023-2025 yang berlangsung di



**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku tetamu kehormat majlis semasa menyempurnakan penyerahan Surat-surat Lantikan kepada Penasihat-penasihat dan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Penanjong bagi Sesi 2023-2025 (kiri). Sementara gambar atas, sekitar majlis berkenaan.**

Masjid Kampung Penanjong, di sini.

Menurut Yang Berhormat, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerusi Kementerian Hal Ehwal Ugama telah pun membina masjid-masjid di Negara Brunei Darussalam termasuk Masjid Kampung Penanjong yang serba lengkap bukan hanya bagi memberikan keselesaan kepada jemaah beribadat bahkan menyediakan kemudahan lain seperti tempat

penyempurnaan jemaah, ruang bacaan dan kelas-kelas bimbingan ugama dan sebagainya.

Terdahulu Yang Berhormat menjelaskan, masjid dibina bukanlah hanya untuk kemudahan beribadah sahaja bahkan ia merupakan simbol keagungan Islam di sebuah negara mahupun daerah, mukim dan kampung.

Masjid katanya, adalah juga sebuah institusi keagamaan bagi mewujudkan nilai-nilai kerohanian hidup beragama, bermasyarakat dan berilmu.

Pada majlis itu, tetamu kehormat menyempurnakan penyerahan surat-surat lantikan kepada Penasihat-penasihat dan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Penanjong bagi Sesi 2023-2025.

Terdahulu, Sembahyang Fardu Maghrib dan Sunat Hajat Berjemaah yang dikhaskan untuk memohon perlindungan dan keselamatan untuk rakyat dan negara Palestin dan diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas beramai-ramai yang dipimpin oleh imam masjid tersebut.

## 8 peserta lulus Kursus Asas Pemandu Pelancong



**Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**BERAKAS**, Rabu, 11 Oktober. - Seramai lapan peserta yang lulus pemeriksaan secara teori dan praktikal bagi Kursus Asas Pemandu Pelancong telah diraikan pada Majlis Penyampaian Sijil yang diadakan di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Berakas, petang tadi.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil tersebut ialah Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiati binti Haji Abdul Wahab.

Kursus Asas Pemandu Pelancong Ke-13 ini telah dikendalikan selama 10 hari bermula 11 hingga 20 September 2023.

Kursus ini mula diperkenalkan

pada tahun 2016 di mana merupakan salah satu prasyarat Jabatan Kemajuan Pelancongan bagi mana-mana individu yang ingin mendapatkan Lesen Pemandu Pelancong di negara ini.

Sejak kursus ini mula diperkenalkan, seramai 199 Pemandu Pelancong yang berdaftar di Jabatan Kemajuan Pelancongan telah mengikuti

Kursus Asas Pemandu Pelancong yang dikendalikan secara kerjasama di antara pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan dan pihak Laksamana College of Business, iaitu sebuah institusi yang telah dilantik bagi mengendalikan Kursus Asas Pemandu Pelancong di Negara Brunei Darussalam.

Kursus Asas Pemandu Pelancong ini diadakan bertujuan

**SETIAUSAHA** Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang penerima pada Majlis Penyampaian Sijil bagi Kursus Asas Pemandu Pelancong yang berlangsung selama 10 hari bermula 11 hingga 20 September 2023 (kiri dan kanan).

untuk meningkatkan dan memantapkan kemahiran seorang Pemandu Pelancong dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan memenuhi kehendak piawaian yang telah ditetapkan, menyelaras maklumat dan informasi yang disalurkan oleh setiap Pemandu Pelancong adalah tepat dan betul serta membuka peluang-peluang perkerjaan yang boleh dimanfaatkan oleh penduduk tempatan khususnya dalam kalangan belia di negara ini.

Peserta kursus ini telah didedahkan terhadap teknik-teknik kemahiran asas praktikal dan teori tentang tatacara sebagai Pemandu Pelancong, pengenalan destinasi-destinasi utama pelancongan dan tempat-tempat menarik serta pengenalan berhubung industri pelancongan di negara ini.

Bagi Pemandu Pelancong yang telah lulus kursus asas tersebut, adalah dikehendaki untuk menghadapkan permohonan ke Jabatan Kemajuan Pelancongan, KSSUP bagi mendapatkan Lesen Pemandu Pelancong.

Mana-mana individu yang belum berdaftar dan belum mendapatkan Lesen Pemandu Pelancong adalah menjadi satu kesalahan jika didapat mengendalikan



perkhidmatan Pemandu Pelancong tanpa lesen yang sah atau mengiklankan / menawarkan perkhidmatan pelancongan persendirian boleh dikenakan denda mengikut Seksyen 20(3) Akta Pelancongan, Penggal 239 iaitu bagi kesalahan pertama, denda tidak melebihi BND5,000 dan bagi kesalahan kedua dan seterusnya denda akan dikenakan tidak melebihi BND10,000.

Kerja profesional sebagai Pemandu Pelancong sememangnya sangat-sangat diperlukan dalam Sektor Pelancongan. Maka adalah penting bagi setiap pemandu pelancong yang berlesen memainkan peranan dan tugas yang penting dalam memastikan maklumat yang ingin disampaikan adalah tepat dan mudah difahami.

Melalui perkhidmatan yang kompeten dan profesional setentunya akan dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan yang diberikan selain daripada menjana kualiti dan imej pelancongan di negara ini.

Memandangkan adanya keperluan dan permintaan tinggi bagi Pemandu Pelancong, Jabatan Kemajuan Pelancongan mempelawa para belia terutamanya yang sedang dan masih mencari pekerjaan untuk mengikuti kursus yang ditawarkan.

Pendaftaran kursus akan dibuka bagi penyertaan orang ramai dan kursus seterusnya akan diadakan pada Februari 2024. Untuk sebarang pertanyaan dan pendaftaran bolehlah terus menghubungi Laksamana College of Business.

# MENGAKTIFKAN PERANAN BELIA DA'IE DALAM BERDAKWAH

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Hamzah Mohidin



Dr. Muhamad Abdurrahman semasa menyampaikan kuliah Subuh bertajuk 'Hidup Bernadikan Al-Quran'.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 13 Oktober. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Urus Setia Program Keugamaan Belia dengan kerjasama Badan Sukarelawan Belia Da'ie mengadakan Program Pejuang Fajr Kali Ke-11 bertempat di Masjid Ash-Shaliheen, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah PDI, Awang Ruslan bin Haji Sulaiman.

Turut hadir sebagai jemputan khas bagi program berkenaan, Da'ie dan Qari dari Republik

Indonesia, Muzammil Hasballah. Seramai 100 orang menghadiri program berkenaan yang terdiri daripada para jemputan, pegawai serta kakitangan PDI, para belia Program Keugamaan Belia di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama, belia Masjid Ash-Shaliheen, Muslimah Masjid Ash-Shaliheen, jemaah masjid dan Ahli-ahli Jawatankuasa Belia Da'ie serta orang awam.

Acara dimulakan dengan Qiyamullail dan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah yang diimamkan oleh Muzammil Hasballah diikuti dengan bacaan Surah Al-Kahfi dipimpin oleh Ahli-ahli jawatankuasa Belia Da'ie dan Graduan Akademi Da'wah.

Acara disusuli dengan kuliah Subuh bertajuk 'Hidup Bernadikan Al-Quran' yang disampaikan oleh Profesor Madya daripada Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Muhamad Abdurrahman diikuti dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam, Tasbih Kaffarah dan Surah Al-Asr dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Program antara lain bertujuan untuk mengaktifkan peranan belia Da'ie sebagai pertubuhan belia yang bertanggungjawab melaksanakan dakwah dan Amar Ma'aruf Nahi Munkar di Negara Brunei Darussalam melalui kempen solat Subuh dan sebagai medium kesedaran bagi para belia keseluruhannya untuk menuaikan



SEMBAHYANG Fardu Subuh Berjemaah diimamkan oleh Muzammil Hasballah, Da'ie dan Qari dari Republik Indonesia (atas). Sementara gambar bawah, antara yang hadir pada Program Pejuang Fajr Kali Ke-11 bertempat di Masjid Ash-Shaliheen.

Solat Fardu Subuh.

Di samping itu, ia bertujuan untuk mengimarahkan masjid dengan pelbagai aktiviti yang bermanfaat, selain mengajak dan menggalakkan para Ahli Jawatankuasa Belia Da'ie, ahli rasmi malahan orang awam untuk sentiasa melazimkan sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam agar mengamalkan pembacaan Surah Al-Kahfi pada setiap Jumaat.

Program berkenaan juga disiarkan secara langsung melalui laman media sosial Instagram Belia Da'ie.



## WI anjur Majlis Sambutan Maulidur Rasul

**TUTONG,** Jumaat, 13 Oktober. - Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) mengadakan Majlis Sambutan Maulidur Rasul

2023 'Sunah Dihayati Hidup Diberkati' yang berlangsung di Ibu Pejabat WI, Kampung Bukit Bendera, di sini, pada petang ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Penasihat WI, Datin Hajah Masni binti Haji Mohammad Ali.

Antara yang hadir, Pemangku Yang Di-Pertua WI, Dayang Hajah Shamsiah binti Abd. Latif selaku Pengurus Majlis, dan ahli-ahli WI.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diketuai oleh Dayang Hajah Latipah binti Haji Sahari.

Majlis juga turut diserikan

**Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

dengan ceramah bertajuk 'Manifestasi Cinta Kepada Rasulullah' yang disampaikan oleh Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong.

Selepas itu, persembahan Dikir Asyarakal daripada ahli-ahli WI.

Majlis yang diadakan berkenaan bertujuan bagi memperingati kelahiran Junjungan Besar kita, Nabi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Dalam pada itu, WI Brunei Darussalam memainkan peranan penting dalam sosial dan pembangunan ekonomi kaum wanita di Brunei yang bermatlamat untuk meningkatkan status kaum wanita dan keluarga di Negara Brunei Darussalam.



PENASIHAT WI, Datin Hajah Masni binti Haji Mohammad Ali hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Maulidur Rasul 2023 (atas). Manakala gambar bawah antara yang pada majlis berkenaan.



### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Rasulullah Contoh Ikutan Terbaik'. Tarikh Tutup : 18 Oktober 2023
- 'Perkhidmatan Awam Pemangkin Pembangunan Negara'. Tarikh Tutup : 25 Oktober 2023
- 'Kebersihan Amalan Hidup Sihat'. Tarikh Tutup : 1 November 2023

### TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



SESI Soal Jawab pada Mesyuarat Town Hall Kedua bagi Tahun Kewangan 2023-2024.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 13 Oktober. - Unified National Networks (UNN) baru-baru ini menganjurkan Mesyuarat Town Hall dua kali

# Mesyuarat Town Hall UNN ketengahkan prestasi, perancangan syarikat

Siaran Akbar dan Foto : Unified National Networks

setiap tahun kewangan syarikatnya untuk menonjolkan prestasi syarikat, kesejahteraan kewangan, pencapaian utama, kemajuan projek semasa UNN, rancangan masa depan untuk syarikat, pembangunan dan kebaikan pekerja.

Mesyuarat Town Hall Kedua bagi Tahun Kewangan 2023-2024 berlangsung di Dewan Bankuet, BRIDEX yang dihadiri hampir 500 kakitangan UNN.

Sebelum mesyuarat dimulakan, majlis dimulakan dengan bacaan doa, diikuti dengan ucapan perasmian oleh Ketua Pegawai Eksekutif UNN, Dr. Steffen Oehler. Dalam ucapannya, Dr.

Oehler menekankan perjalanan telekomunikasi digital dan pemodenan UNN dari tahun penubuhannya pada 2018 sehingga hari ini, termasuk pelancaran gentian ke kawasan luar bandar dan bandar, pengembangan liputan mudah alih dan pembinaan perkhidmatan tetap di kawasan terpencil luar bandar dan jalur lebar tetap baru-baru ini dinaikkan kepada 100Mbps sebagai kelajuan garis dasar yang boleh diakses oleh semua orang, di seluruh negara.

"Dalam pasaran hari ini, kami perlu menjadi perniagaan yang mampan, dan pusat data UNN seluas 51,000 kaki persegi kami adalah infrastruktur yang *eco-efficient* dan *geo-redundancy* yang akan siap dan sedia untuk memberi perkhidmatan menjelang Januari 2024," tegas Dr. Oehler semasa menyentuh mengenai pelaburan penting syarikat untuk meluaskan portfolio perkhidmatan Pusat Data IT (DC/IT) untuk masa depan pasaran ICT di Brunei.

Mesyuarat Town Hall diteruskan dengan pembentangan maklumat terkini mengenai perkembangan syarikat dan projek semasa dari bahagian Kewangan, Operasi, Kilang Rangkaian, Pengurusan Fasiliti, Sumber Manusia, Pengalaman Pelanggan dan Komunikasi Korporat.

Bagi menjadikan mesyuarat lebih menarik dan interaktif, segmen kuiz diperkenalkan untuk kakitangan UNN, mereka yang menjawab dengan betul turut menerima hadiah.

Soalan-soalan tersebut boleh diperoleh daripada 16 poster yang dipasang di sekitar dewan tempat yang menonjolkan aktiviti syarikat termasuk program gaya hidup sihat, tinjauan maklum balas



ANTARA aktiviti yang diadakan pada Mesyuarat Town Hall UNN di Dewan Bankuet, BRIDEX.

pekerja dan perjalanan akreditasi ISO, platform komunikasi seperti SharePoint dan Viva Engage dan bagaimana pekerja boleh mendapat manfaat daripada penggunaannya, dan gambar pelbagai kemajuan dan proses jabatan.

Ketelusan digalakkan di seluruh UNN sebagai sebahagian daripada kaedah UNN (budaya kerja) untuk menggalakkan komunikasi terbuka dan jujur, memberikan rasa kekitaan, menjadikan pekerja bertanggungjawab dan yang paling penting, membina kepercayaan dalam kalangan pekerja.

Selain itu, Mesyuarat Town Hall di UNN sentiasa menegakkan budaya ketelusan ini dengan menyediakan ruang yang selamat untuk semua pekerjanya menyuarakan keimbangan, pertanyaan dan rungutan mereka. Sebelum Mesyuarat Town Hall,

tinjauan selama sebulan turut dijalankan di seluruh syarikat untuk menerima maklum balas dan soalan daripada pekerja untuk ditangani semasa mesyuarat diadakan.

Lebih 300 soalan dan maklum balas diterima, di mana beberapa cadangan dikemukakan semasa mesyuarat tersebut, beberapa pertanyaan ditangani semasa kemas kini dan pembentangan, manakala yang lain turut dijawab semasa sesi Soal Jawab pada akhir acara.

Pasukan Pengurusan UNN mengakhiri mesyuarat dengan jaminan bahawa soalan atau maklum balas yang tidak ditangani semasa mesyuarat akan dijawab dan diterbitkan dalam halaman SharePoint syarikat untuk diteliti semua pekerja. Mesyuarat diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

## NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

### Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinkukan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

### Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

# 179 PELAJAR JIS CATAT KEPUTUSAN CEMERLANG IGCSE

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 13 Oktober. – Seramai 179 pelajar Tahun 11 Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) meraikan keputusan cemerlang dalam peperiksaan GCSE Antarakabangsa (IGCSE) yang mereka duduki pada Jun 2023.

Sebanyak 58.9 peratus daripada semua gred yang diberikan adalah gred A\* atau A (Level 9, 8 atau 7).

Manakala sebanyak 92.9 peratus daripada pelajar menerima gred A\*- C (Level 9-4) secara keseluruhannya.

Terdapat juga beberapa mata pelajaran yang menunjukkan peningkatan di sekolah tersebut.

Li Jia Chong (warga Negara Brunei Darussalam) dan Mélanie Poulain (warga British), kedua-duanya mencapai keputusan cemerlang dengan mendapat 10 A\*/A (Level 9, 8 atau 7) dalam keseluruhan mata pelajaran mereka, yang menyediakan kedua-duanya asas yang cemerlang apabila mereka memasuki Tahun 12 untuk belajar bagi program A Level (Li Jia Chong) dan program Diploma IB (Mélanie Poulain) sebagai persediaan ke universiti.

Pelajar biasiswa Kementerian Pendidikan, iaitu Haris Romi Irwin mencapai sembilan gred A\*/A (Tahap 9-7).

Turut mencapai sembilan gred A\*/A ialah iaitu Jia Hui Tan; dan Abby Ting.

Sementara, 19 pelajar antarabangsa turut mencapai gred 9A\*/A, iaitu Hamza Anjum (Pakistan); Will Bell (UK); Rahul Dhara (India); Abdullah Faique (Pakistan); Rebekah Grajewski (UK); Sana Hamid (Pakistan); Anima Hasan (Bangladesh); Sienna Holmes (UK); Neeha Kanan (Malaysia); Yajna Karri (India); Iggy Malik (UK); Lotam Mike-Ikebudu (Belanda); Dhurg Mohana Krishnan (Malaysia); Nicholas Morgan (Kanada); Rodion Rakhimzyanov (Rusia); Marianne Sequeira (India); Olivia Smith (New Zealand); Jasmine Turton (UK); Manya Verma (India); dan Hannah Yusri (Malaysia).

Manakala, Jazmina Azman, Nasriyah Nor Aslin dan Najihah Nor Asman (pelajar biasiswa Kementerian Pendidikan) mencapai lapan gred A\*/A (Level 9-7), begitu juga Nadhirah Amirul Adly, Safiya Khalifah, Clara Ang, Daniel Azizan, Alesha Ng, Syasya



DAYANG Li Jia Chong (tengah) dan Mélanie Poulain (kiri) mencapai keputusan cemerlang dengan mendapat 10 A\*/A. Manakala, Awang Haris Romi Irwin mencapai sembilan gred A\*/A (kanan).

Siaran Akbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Jerudong

Hamsani, Ariesya Suhaimi, Rayyan Kamaluddin dan Phoebe Yip (NBD).

Sementara pelajar antarabangsa ialah Katie McCambridge (UK), Nadia Mohd Shahrulnizam (Malaysia), Clemens Bindseil (Jerman), Balqish Muhd Islahuddin (Malaysia), Sarah Chng (Singapura), Amanda Goh (Malaysia) dan Akshita Gopinath

Lakshmi (India) turut mencapai lapan gred A\*/A.

Seramai 26 pelajar lagi mencapai tujuh gred A\*/A (Level 9-7) daripada IGCSEs mereka termasuk seorang lagi pelajar biasiswa Kementerian Pendidikan, iaitu Zaim Azri.

"JIS amat berbangga dengan pencapaian para pelajar Tahun 11 atas pencapaian cemerlang

mereka dalam keputusan IGCSE.

"Pencapaian ini mencerminkan dedikasi dan kerja keras mereka, dan kami teruja melihat mereka cemerlang dan meneruskan perjalanan pendidikan mereka."

"Tahniah kepada semua pelajar kami di atas kejayaan cemerlang mereka," ujar Pengetua JIS, Nicholas Sheehan.



**B**ERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-'Araf, ayat 187 :

**Tafsirnya** : "Mereka bertanya kepadamu (wahai Nabi Muhammad) tentang Hari Kiamat : "Bilakah terjadinya?" Katakanlah : "Sesungguhnya ilmu mengenainya hanyalah ada di sisi Tuhanmu, tiada sesiapa pun yang dapat menjelaskan (ketetapan) waktunya melainkan Dia. (Huru-hara) Hari Kiamat itu sangatlah berat (bagi makhluk-makhluk) yang ada di langit dan di bumi. Ia tidak akan datang kepada kamu melainkan dengan secara mengejut". Mereka bertanya kepadamu seolah-olah engku benar-benar mengetahuinya. Katakanlah : "Sesungguhnya ilmu mengenainya hanyalah ada di sisi Allah tetapi kebanyakannya manusia tidak mengetahui (sebab dirahsiakan bila berlakunya Hari Kiamat itu)".

Hari Kiamat adalah hari yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu

## Peringatan sebelum Hari Kiamat

Wata'ala yang pasti akan terjadi. Akan tetapi bila berlakunya Hari Kiamat itu tidaklah dapat diketahui, ini kerana Hari Kiamat adalah antara lima perkara ghaib yang dirahsiakan waktu dan harinya oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda bermaksud : "Ada lima perkara yang hanya diketahui oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Kemudian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam membacakan : "Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala, hanya zat-Nya sahajalah pengetahuan tentang Hari Kiamat. Dan Dialah yang menurunkan hujan dan mengetahui apa yang ada di dalam rahim. Dan tiada seorang pun yang dapat mengetahui (dengan pasti) apa yang akan diusahakannya esok. Dan tiada seorang pun yang dapat mengetahui di bumi mana dia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala dengan rahmat dan kasih sayang-Nya telah menunjukkan kepada kita tanda-tanda Kiamat, agar orang-orang yang berdosa sempat bertaubat serta orang-orang yang beriman dan bertakwa itu dapat mempertingkatkan lagi amal ibadah dan amal kebajikan mereka.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda telah memberi peringatan dan menerangkan tentang tanda-tanda sebelum datang dan menjelangnya Hari Kiamat sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Huzaifah bin Asid Al-Ghfari Radiallahuanhu katanya, telah muncul Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di samping kami apabila kami sedang berbincang. Maka Baginda bertanya : "Apa yang kamu bincangkan". Mereka menjawab : "Kami sedang membicarakan perihal As-Sa'ah (Hari Kiamat)". Lalu Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Sesungguhnya ia (Hari Kiamat) tidak akan berlaku melainkan setelah kamu melihat sebelum daripadanya 10 tanda". Kemudian Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam menyebut (tanda-tanda tersebut) : Asap, Dajjal, Ad-Dabah, terbitnya matahari dari Barat, turunnya Nabi Isa, Ya'juj dan Ma'juj dan tiga gerhana iaitu satu gerhana di Timur, satu gerhana di Barat dan

satu lagi gerhana di rantau atau jazirah Arab. Seterusnya, yang terakhir adalah keluarnya api dari Yaman yang menghalau manusia ke Mahsyar mereka".

Pada Hari Kiamat, kita tidak akan dapat lari dan bersembunyi mencari tempat untuk berlindung melainkan orang-orang yang dilindungi oleh naungan Allah Subhanahu Wata'ala. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda ada menyatakan dengan jelas bahawa Allah Subhanahu Wata'ala telah menjanjikan naungan ataupun perlindungan pada Hari Kiamat kelak kepada tujuh golongan manusia.

Imam Bukhari meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Ada tujuh golongan manusia yang akan mendapat naungan Allah Subhanahu Wata'ala pada hari yang tidak ada naungan kecuali naungan-Nya. Pertama, pemimpin yang adil. Kedua, seorang pemuda yang menyibukkan dirinya dengan ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Ketiga, seorang yang hatinya sentiasa terpaut pada masjid. Keempat, dua orang yang saling mencintai kerana Allah Subhanahu Wata'ala, berkumpul dan berpisah kerana Allah Subhanahu Wata'ala juga. Kelima, seorang lelaki yang diajak berzina oleh wanita yang kaya dan cantik tetapi ia menolak sambil berkata : "Aku takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala". Keenam, seorang yang bersedekah secara rahsia hingga seolah-olah tangan kirinya tidak mengetahui apa yang diinfakkan oleh tangan kanannya dan ketujuh, seorang yang berzikir kepada Allah Subhanahu Wata'ala ketika bersendirian hingga berlinang air matanya basah kerana menangis".

Kebanyakan tanda-tanda ataupun alamat-alamat kecil Hari Kiamat itu telah dan sedang berlaku di dalam kehidupan kita, sebagai contoh : masa yang terasa pendek dan berlalu dengan begitu cepat sehingga terdapat segerintir daripada kita yang merasakan tidak mempunyai masa yang cukup untuk menguruskan keperluan dan kehidupan seharian.

Ketahuilah, bahawa masa atau waktu yang berlalu dengan cepat dan pantas itu adalah termasuk dalam tanda-tanda hampir berlakunya Hari Kiamat. Daripada Abu

Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Tiada akan berlakunya Kiamat sehingga diangkat ilmu, banyaknya berlaku gempa, masa berlalu dengan pantas, terzahirnya fitnah-fitnah dan banyaknya pembunuhan". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Sesungguhnya tanda-tanda menjelangnya Hari Kiamat itu merupakan satu hikmah yang paling besar kepada seluruh manusia. Ia merupakan tanbih ataupun peringatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sebagai hamba Allah Subhanahu Wata'ala yang masih dipinjamkan usia dan kehidupan, kita hendaklah sentiasa berusaha meningkatkan iman dan takwa kita agar kita tidak akan laiat dan leka dengan urusan hal ehwal dunia. Selagi kita masih diberi nikmat usia, kesihatan dan banyak lagi, marilah kita mempersiapkan diri dengan memperbanyakkan amal ibadah dan amal kebajikan sebagai bekal untuk menuju kebahagiaan hidup di akhirat kelak kerana kita tidak tahu bilakah tiba masanya ajal itu datang memanggil kita. Mudah-mudahan dengan yang demikian kita akan menjadi hamba Allah Subhanahu Wata'ala yang akan mendapat Husnul Khatimah iaitu kesudahan yang baik dan bukan Suul Khatimah iaitu kesudahan yang buruk. Amin Ya Rabbal Alamin.

**Tafsirnya** : "Apabila bumi digegarkan dengan gegaran yang kuat. Dan bumi mengeluarkan segala isinya. Dan manusia berkata : "Apa yang terjadi kepada bumi?" Pada hari itu bumi pun menghabarkan berita-beritanya. Bahawa sesungguhnya Tuhanmu telah memerintahkan (yang demikian itu) kepada anda. Pada hari itu manusia keluar (dari kubur masing-masing) dalam keadaan bermacam-macam supaya diperlihatkan kepada mereka (balasan) pekerjaan mereka. Maka sesiapa yang mengerjakan kebaikan sekali pun seberat zarah, nescaya dia akan melihat (balasan)nya. Dan sesiapa mengerjakan kejahatan sekali pun seberat zarah, nescaya dia akan melihat (balasan)nya". (Surah Al-Zalzalah, ayat 1-8)

## Bengkel ketengahkan kepentingan pengajian manuskrip

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 11 Oktober. - Dalam persediaan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelidikan yang teratur dan sistematis, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) telah mengadakan Bengkel dan Latihan Filologi.

Seramai 49 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan BKISHHB dan pegawai-pegawai jemputan dari institusi-institusi pengajian tinggi dan agensi-agensi kerajaan menyertai bengkel berkenaan yang diadakan selama



BENGKEL KETENGAHKAN KEPENTINGAN PENGAJIAN MANUSKRIP

BERJANGKA

tiga hari bermula 9 Oktober hingga 11 Oktober 2023 di Dewan Auditorium, BKISHHB.

Tujuan bagi pengajian bengkel tersebut adalah untuk memberi kesedaran dan pendedahan akan kepentingan pengajian terhadap manuskrip yang boleh dijadikan sumber rujukan dalam pelbagai ilmu melalui penjanaan dan kemahiran yang diperoleh.

Selain itu, ia juga merupakan permulaan bagi melaksanakan pembukaan kerja-kerja

penyelidikan kepada orang awam dan sekali gus mewujudkan platform kerjasama dengan agensi-agensi penyelidikan lain dalam perkembangan dan pembangunan di dalam bidang penyelidikan.

BKISHHB menjemput fasilitator dari Universiti Brunei Darussalam (UBD), Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah, seorang pensyarah dan pakar dalam bidang Filologi Penyelidikan Manuskrip bagi mengendalikan bengkel berkenaan.

Turut menyampaikan dalam bengkel tersebut ialah Kurator Pemeliharaan dan Pembelaan, Dayang Hajah Siti Norhayatty binti Haji Morni.

Sepanjang tempoh pengendalian bengkel, fasilitator-fasilitator menyampaikan taklimat mengenai asas, teori dan sejarah

ANTARA pegawai dan kakitangan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan pegawai-pegawai jemputan dari institusi-institusi pengajian tinggi dan agensi-agensi kerajaan menyertai Bengkel dan Latihan Filologi (kiri dan kanan).

**Siaran Akhbar dan Foto : Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah**

perkembangan, kepentingan Filologi, peranan manuskrip Melayu dan konservasi manuskrip.

Manakala peserta juga turut didedahkan dengan latihan praktikal yang antaranya adalah pengendalian manuskrip dengan selamat, pembuatan data entry, membuat transliterasi teks iaitu pengalihan teks manuskrip Jawi ke Rumi.



Untuk memudahkan, latihan praktikal tersebut menggunakan manuskrip-manuskrip yang terdapat dalam BKISHHB yang berbentuk digital sebagai bahan rujukan.

Hadir menyampaikan sijil-sijil kepada para peserta bengkel ialah Pengarah BKISHHB, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad.

# Peringatan Sebelum Hari Kiamat

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 27 Rabiulawwal 1445H/13 Oktober 2023M

## Hari Kiamat

- Tidak diketahui bila ia berlaku
- Tanda-tanda Kiamat: peringatan daripada Allah SWT
- Pada hari ini, kita tidak akan dapat lari dan bersembunyi mencari tempat untuk berlindung melainkan orang-orang yang dilindungi oleh naungan Allah SWT

**Allah SWT menjanjikan naungan/perlindungan pada Hari Kiamat kepada tujuh golongan manusia, iaitu:**



Pemimpin yang adil



Seorang pemuda yang menyibukkan dirinya dengan ibadah kepada Allah SWT



Seorang yang hatinya sentiasa terpaut pada masjid



Dua orang yang saling mencintai kerana Allah SWT, berkumpul dan berpisah kerana Allah SWT



Seorang lelaki yang diajak berzina oleh wanita yang kaya dan cantik tetapi ia menolaknya sambil berkata, "Aku takut kepada Allah SWT"



Seorang yang bersedekah secara rahsia hingga seolah-olah tangan kirinya tidak mengetahui apa yang diifaqkan oleh tangan kanannya



Seorang yang berzikir kepada Allah ketika bersendirian hingga berlinang air matanya basah kerana menangis

- ✓ Sentiasa berusaha meningkatkan iman dan taqwa
- ✓ Mempersiapkan diri dengan memperbanyak amal ibadah dan kebajikan sebagai bekal untuk menuju kebahagiaan hidup di Akhirat kelak

**Apa yang boleh kita buat?**



سورو هنجای قر خدمتن عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

## IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

### PERINGATAN PENTING

- 1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
- 2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.



+673 7371961 PSC.BN query@spa.gov.bn PSC.BN

Jawatan, Tingga Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1. TIMBALAN PENGARAH PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2023/OCT/02	PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN, KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI	01	7(A)	21 OKTOBER 2023
2. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I B.3 (BAHAGIAN II) 2023/OCT/03	SEKRETARIAT PERUBAHAN IKLIM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, JABATAN PERDANA MENTERI	01	38(A)	21 OKTOBER 2023
3. PEGAWAI PENERBITAN C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2023/OCT/04	PUSAT SEJARAH BRUNEI, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	01	7(A)	23 OKTOBER 2023
4. PEGAWAI ALAM SEKITAR KANAN B.3 (BAHAGIAN II) 2023/OCT/05	JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	38(A)	23 OKTOBER 2023

PERINGATAN:  
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".  
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJANAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.  
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)



JABATAN RADIO  
TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI

### Notis Sebut Harga

#### Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :

RTB / K / 146 / 23 - 24 :  
Supply & Deliver Of 3G-SDI OE  
Headend Equipment

#### Bayaran Yuran :

BND5.00 (Tidak dikembalikan)  
(Termasuk e-dokumen)

#### Salinan Kertas :



BND5.00  
(Jika perlu dan tidak dikembalikan) (Hardcopy)

#### Tarikh Tutup :

Rabu,  
25 Oktober 2023.  
Jam 2.00 Petang.



#### Salinan Kertas :

BND5.00  
(Jika perlu dan tidak dikembalikan) (Hardcopy)

#### Tarikh Tutup :

Rabu,  
25 Oktober 2023.  
Jam 2.00 Petang.



### Notis Sebut Harga

#### Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :

RTB / K / 144 / 23-24 :  
Supply Of 4G Camera

Streaming License & Services  
For Camera Lens  
Replacement / Servicing

#### Bayaran Yuran :

BND5.00 (Tidak dikembalikan)  
(Termasuk e-dokumen)



## KEMENTERIAN PERTAHANAN

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB)  
Kementerian Pertahanan

### Pendaftaran Bakal-Bakal Rekrut

Lelaki Pengambilan Ke-174  
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

PENDAFTARAN sekarang dibuka untuk mencebur kerja tentera sebagai Bakal Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-174 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mengikut syarat kelayakan dan kemasukan yang telah ditetapkan.

Pendaftaran dibuka secara pandu lalu (*drive-thru*) mengikut tarikh dan masa seperti berikut:

**Tarikh :**  
23 Oktober 2023 hingga  
2 November 2023.  
(Dibuka setiap Isnin hingga  
Khamis sahaja.  
Manakala  
Jumaat, Sabtu dan Kelepasan  
Awam ditutup)

**Sila layari laman sesawang :**  
<http://www.mindef.gov.bn>  
(Career - Military Recruitment (Male) bagi tempat / lokasi pendaftaran pandu lalu.

**Masa :**  
8.30 Pagi - 11.00 Pagi  
2.30 Petang - 4.00 Petang

Pemohon mestilah berumur 18 tahun dan tidak melebihi 25 tahun (0 bulan 0 hari) sebelum latihan bermula pada 6 Mei 2024.

**Untuk keterangan lanjut,**  
sila hubungi :  
Pejabat Pengambilan  
Jabatanarah Keanggotaan  
Bolkiah Garison.  
Telefon : +673 2386898

atau layari laman sesawang :  
<http://www.mindef.gov.bn>  
(Career - Military Recruitment (Male)

**E-mel :**  
[RO.recruit@mindef.gov.bn](mailto:RO.recruit@mindef.gov.bn)



## JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER- SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Bilangan Tawaran :**  
JKP / SH / 2023-2024 / 26

**Tajuk Tawaran :**  
To Design, Provide Copywriting, Editorial, Printing and Delivery Of Tour Guide Trails Handbook For Luagan Lalak Recreational Park

**Dokumen Tawaran :**  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Khamis,  
26 Oktober 2023.  
Jam 2.00 Petang.



## JABATAN KERJA RAYA

### KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibuka Kepada Pemborong  
Pemborong Yang Berdaftar  
Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam

**Kelas :**  
II & III Sahaja

**Kategori :**  
KA01 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**  
Selasa, 17 Oktober 2023.

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa, 31 Oktober 2023.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DBSKB 011 / 2023.

**Nama Projek :**  
Cerun Runtuh Di Sepanjang  
Bahu Jalan-Jalan Buau KM5.8,  
Mukim Sukang, Daerah Belait

**No. Projek :**  
2023ADKB / KEW-01

**Yuran Tawaran :**  
BND30.00 (Tidak dikembalikan)



## JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

### Notis Sebut Harga

#### Bilangan dan Tajuk

#### Sebut Harga :

RTB / K / 145 / 23 - 24 :  
Supply, Deliver, Install, Testing & Commisioning Of Fiber Optic Termination Along Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha

#### Bayaran Yuran :

#### BND5.00

(Tidak dikembalikan)  
(Termasuk e-dokumen)

#### Salinan Kertas :

#### BND5.00

(Jika perlu dan tidak dikembalikan) (Hardcopy)

#### Tarikh Tutup :

Rabu,  
25 Oktober 2023.  
Jam 2.00 Petang.



## PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI

### Bilangan Tawaran :

(4) NDMC / TSH / 2023-2024

**Tajuk Tawaran :**  
Perkhidmatan Pembekalan Alat Ganti Baharu Serta Pemasangan Bagi Kenderaan National Disaster Management Centre (NDMC) Toyota Hilux BG3800

**Yuran Tawaran :**  
Tidak Dikenakan Bayaran

**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
17 Oktober 2023.  
(Tidak Lewat Jam 2.00 Petang)





KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Sebut Harga Rancangan Pemakanan Sekolah dan Program Harapan**

**Bilangan Sebut Harga :**  
DA / JKSH / 134 / 2023 / 2024  
[BPPA-OKT-2023]

**Keterangan :**  
Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi : Sekolah Rendah Sengkurong, Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara, Bagi Tempoh Lima (5) Bulan Kod Blok : SM/25

**Bilangan Sebut Harga :**  
DA / JKSH / 135 / 2023 / 2024  
[BPPA-OKT-2023]

**Keterangan :**  
Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi : Sekolah Rendah Sengkurong, Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara, Bagi Tempoh Lima (5) Bulan Kod Blok : SM/25

**Bilangan Sebut Harga :**  
DA / JKSH / 136 / 2023 / 2024  
[BPPA-OKT-2023]

**Keterangan :**  
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi : Sekolah Rendah Jerudong,

Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara, Bagi Tempoh Lima (5) Bulan Kod Blok : SM/26

**Bilangan Sebut Harga :**  
DA / JKSH / 137 / 2023 / 2024  
[BPPA-OKT-2023]

**Keterangan :**  
Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi : Sekolah Rendah Dato Marsal, Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara, Bagi Tempoh Lima (5) Bulan Kod Blok : SM/28

**Bilangan Sebut Harga :**  
DA / JKSH / 138 / 2023 / 2024  
[BPPA-OKT-2023]

**Keterangan :**

**Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan-Keperluan Pemakanan (Makan Tengah Hari) Program Harapan Bagi :**

Sekolah Rendah Nakhoda Abdul. Rashid, Menunggol Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara, Bagi Tempoh Satu (1) Tahun Kod Blok : PH/T2

**Bilangan Sebut Harga :**  
DA / JKSH / 139 / 2023 / 2024  
[BPPA-OKT-2023]

**Keterangan :**  
Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan-Keperluan Pemakanan (Makan Tengah Hari) Program Harapan Bagi : Sekolah Rendah Merangking Kementerian Pendidikan, Daerah Belait,

**Bagi Tempoh Satu (1) Tahun**  
**Kod Blok : PH/T3**

**Bayaran Yuran / Dokumen**

**Sebut Harga :**

BND5.00

[Bayaran Dokumen Sebut harga tidak dikembalikan]

**Tarikh Tutup dan Waktu :**

Sabtu, 28 Oktober 2023.

[Tidak lewat jam 9.00 Paggi]

JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Bilangan Sebut Harga:**  
IKAN / 78(Q) / 0026 / 2023

**Tajuk Sebut Harga:**  
To Design and Build Guard House At Fish Farm Site  
Mentiri, Department Of Fisheries

**Bilangan Sebut Harga:**  
IKAN / 78(Q) / 0027 / 2023

**Tajuk Sebut Harga:**  
Cutting and Clearing Large Trees At Various Location Compound, Department Of Fisheries

**Bilangan Sebut Harga:**  
IKAN / 78(Q) / 0028 / 2023

**Tajuk Sebut Harga:**  
Replace, Supply and Install Outboard Motor and Related Accesories For Two (2) Boats, Department Of Fisheries

**Tarikh Mula Mengambil Borang Sebut Harga :**  
Rabu,  
11 Oktober 2023.

**Tarikh Terakhir Mengambil Borang Sebut Harga :**  
Rabu,  
25 Oktober 2023.

**Tarikh Terakhir Menghantar Borang Sebut Harga :**  
Khamis,  
26 Oktober 2023.  
Jam 2.00 Petang.

JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

**Kelas :**  
II & III Sahaja

**Kategori :**  
KA01 & M03 (Kod Baharu)

MAHKAMAH TINGGI  
NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM

Di dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan

**Kes No. BCY / CP / 287 / 2012**

Baiduri Bank Sendirian Berhad - Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Pg. Haji Anuar bin Pg. Haji Ahmad (00-069953)

- Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 4 April 2013 telah dibatalkan pada 12 Ogos 2023.

**Nama Penghutang :**  
Pg. Haji Anuar bin Pg. Haji Ahmad

**Alamat Penghutang :**  
No. 6, Jalan 50, Perumahan Negara Rimba, Gadong, BE3119, Negara Brunei Darussalam

**Bertarikh :**  
19 Ogos 2023

**Kes No. BCY / CP / 411 / 2011**

Standard Chartered bank - Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**1. Bilangan Tawaran:**  
JKR / DBSKB 023 / 2023

**Nama Projek :**  
Kontrak Penggal Untuk Mengendali dan Memelihara Loji Kumbahan Los Tanjung, Kuala Belait Bagi Tempoh 36 Bulan

**No. Projek :**  
2023ADKB / B00411 / 002-003-010

**Yuran Tawaran :**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**

Selasa, 24 Oktober 2023.

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa, 11 November 2023,  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**Pemberitahuan Tawaran**

**Bilangan Tawaran :**  
MOFE / PROC / Q / 2023-01

**Tajuk Tawaran :**  
Pembekalan Barang Alat Tulis Bagi Kegunaan Kementerian Kewangan Dan Ekonomi selama Dua Belas (12) Bulan

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
Sabtu,  
21 Oktober 2023.  
Tidak lewat  
Jam 2.00 Petang.



Tujuh (7) Bulan

**Yuran Tawaran :**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
31 Oktober 2023.  
Jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Tawaran :**  
MINDEF / DFA / INFRA / FY2023 / T / BKS / 003 [JPPK/LTN/03/2021]

Proposed Renovation to KK10 Jalan Pasir Berakas

**Tarikh Mula Tawaran :**  
9 Oktober 2023

**Kelas :**  
III dan ke atas sahaja

**Kategori :**  
KA01 & B01

**Tempoh Penyiapan Kerja :**


**MAHKAMAH TINGGI  
NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM**

Di dalam Mahkamah Tinggi  
Negara Brunei Darussalam  
Di Bandar Seri Begawan

Kes No. BCY / CP / 107 / 2021

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**  
- Pemutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Abdul Aziz bin Haji Abu Bakar (00-307129)**  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **11 Mei 2023**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

**Abdul Aziz bin Haji Abu Bakar No. 20, Jalan 84, Simpang 35, Perumahan Negara Rimba, Gadong, BE3319, Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh Petisyen :  
2 Jun 2021

b.) Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Bertarikh :  
28 Ogos 2023

Notis Kepada Pemutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **11 Mei 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 27 September 2023, jam 10.45 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

**IKLAN**

HARI SABTU 14 OKTOBER 2023

23

sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **28 Oktober 2023, jam 10.00 pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :  
28 Ogos 2023

Kes No. BCY / CP / 130 / 2023

**Baiduri Bank Sdn. Bhd.**  
- Pemutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Mohammad Syahrul Azmi bin Bujang (01-076577)**  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **8 Julai 2023**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

**Mohammad Syahrul Azmi bin Bujang**

**No. 25, Lot 2337, Simpang 119, Jalan Mumong Selatan, KA1731, Negara Brunei Darussalam.**

and / or

**No. 2, Simpang 396-93, Jalan Jerudong, Sengkurong, BG3122, Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Petisyen :

19 Jun 2023

b.) Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Bertarikh :  
28 Ogos 2023

Notis Kepada Pemutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **8 Julai 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 28 Oktober 2023, jam 10.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **28 Oktober 2023, jam 10.00 pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :  
28 Ogos 2023

Kes No. BCY / CP / 139 / 2017

**Baiduri Finance Berhad**  
- Pemutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Hamzah Haji Ibrahim (00-125942)**  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **24 Ogos 2023**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

**Hamzah Haji Ibrahim No. 275, Jalan Kasat, Kg. Buang Sakar, BJ1924, Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh Petisyen :

12 Ogos 2017

b.) Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Bertarikh :  
28 Ogos 2023

Notis Kepada Pemutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **24 Ogos 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 26 Oktober 2023, jam 10.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **26 Oktober 2023, jam 10.30 pagi di Mahkamah Besar.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **26 Oktober 2023, jam 10.30 pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :  
28 Ogos 2023

Kes No. BCY / CP / 80 / 2015
Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama

**Nama Penghutang - Abdul Rahman bin Ismail (BYIC No. 00-260978) - Alamat - F4, Room 3, Lorong 109, Penanjong Kem, Tutong, Negara Brunei Darussalam. Mahkamah - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. Nombor - Kebankrapan Bil. 80 Tahun 2005. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 78.8 sen Pertama atau terakhir selainnya - Pertama Bila Kena Dibayar - 28 Ogos 2023. Di Mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh :  
27 Ogos 2023

Kes No. BCY / CP / 475 / 2010
Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir

**Nama Penghutang - Suriani binti Haji Abd. Muin (BYIC No. 00-254498) - Alamat - No.30, Block D23, Simpang 172, Jalan Sungai Bakong Selatan, RPN Lumut, KC 5335, Negara Brunei Darussalam. Mahkamah - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. Nombor - Kebankrapan Bil. 475 Tahun 2010. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 100 sen Pertama atau terakhir selainnya - Pertama Bila Kena Dibayar - 23 Ogos 2023. Di Mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh :  
22 Ogos 2023

Kes No. BCY / CP / 303 / 2011
Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir

**Nama Penghutang - Ramlee bin Haji Mohd Said (BYIC No. 00-073698) - Alamat - No.581, Kampung Batong, Jalan Batong, Panchur Murai, BH2923, Negara Brunei Darussalam. Mahkamah - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. Nombor -**

Kebankrapan Bil. 303 Tahun 2011. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 100 sen Pertama atau terakhir selainnya - Pertama Bila Kena Dibayar - 28 Ogos 2023. Di Mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :  
27 Ogos 2023

Kes No. BCY / CP / 126 / 2016

**Baiduri Finance Berhad**  
- Pemutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Mohamad Azmi bin Hamidon (00-294387)**  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **01 Disember 2016** telah dibatalkan pada **24 Ogos 2023**.

Nama Penghutang :  
**Mohamad Azmi bin Hamidon**

Alamat Penghutang :  
**No. 105,  
Kampung Wasan,  
Limau Manis, BH2523,  
Negara Brunei Darussalam**

Bertarikh :  
26 Ogos 2023

**Muhsin bin Haji Zakaria**  
Timbalan Pegawai  
Penerima Rasmi  
B/P Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**1. Rujukan Tawaran :**  
49 / JPD / JKSH / 2023024  
**Tajuk Tawaran :**  
Cleaning Services For the Land Transport Department Old Building, Gadong For A Period Of Two (2) Years

**2. Rujukan Tawaran :**  
50 / JPD / JKSH / 2023024  
**Tajuk Tawaran :**  
Cleaning Services For the Land Transport Department Building In Belait District For A Period Of Two (02) Years

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
24 Oktober 2023.  
Sebelum 2.00 Petang.



# PLATFORM TINGKAT KEMAHIRAN, PENGETAHUAN PESERTA



PENOLONG Naib Canselor (Inovasi dan Perusahaan) UBD; pasukan Pengurusan Eksekutif RB; ahli fakulti dari UBD SBE dan para peserta program bergambar ramai pada Majlis Penutupan Program Pembangunan Eksekutif UBD SBE-RB untuk pengurusan kanan yang diadakan pada 10 Oktober 2023.

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 11 Oktober. - Majlis Penutupan Program Pembangunan Eksekutif UBD SBE-RB untuk pengurusan kanan diadakan pada 10 Oktober 2023.

Program berkenaan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pengurusan kanan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB),

Program yang difasilitasi oleh Sekolah Perdagangan dan Ekonomi Universiti Brunei Darussalam (UBD SBE), menyediakan para peserta dengan pengetahuan dalam mata pelajaran pengurusan penting seperti perancangan strategik, tadbir urus korporat Islam,

pembinaan kapasiti, peneraju dan motivasi, dan pengurusan perubahan.

Program yang bermula dari 18 Julai sehingga 10 Oktober 2023 berkenaan menggabungkan kedua-dua penilaian formatif dan sumatif, serta pembentangan kertas kerja secara kumpulan.

Kesemua peserta diberikan sijil tamat kursus, yang disahkan bersama oleh UBD dan RB.

Majlis penutup berkenaan berlangsung di Bilik Seminar Perpustakaan UBD yang terletak di Perpustakaan UBD.

Hadir selaku tetamu kehormat, Penolong Naib Canselor (Inovasi dan Perusahaan) UBD, Profesor

Dr. Mohammad Ayub Sadiq; pasukan Pengurusan Eksekutif RB; ahli fakulti dari UBD SBE; dan para peserta program.

Juga hadir ialah ahli-ahli daripada kedua-dua Pentadbiran UBD dan Fakulti UBD SBE, bersama-sama pengurusan kanan dan perwakilan yang mengambil bahagian dari RB.

Majlis dimulakan dengan ucapan perasmian oleh Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Sabirin bin Haji Abdul Hamid, diikuti dengan pembentangan kumpulan mengenai pelbagai topik.

Majlis diakhiri dengan ucapan penutup, penyampaian sijil, cenderamata dan sesi bergambar ramai.



PENOLONG Naib Canselor (Inovasi dan Perusahaan) UBD, Profesor Dr. Mohammad Ayub Sadiq semasa menyampaikan sijil.

Program Pembangunan Eksekutif SBE-RB UBD menonjolkan kerjasama yang semakin meningkat antara akademik dan industri.

"Program ini adalah bukti komitmen RB yang tidak berbelah bahagi untuk memupuk pertumbuhan dan kecemerlangan dalam barisan pengurusan kami, sejarah langsung dengan Wawasan Brunei 2035.

"Ia berfungsi sebagai platform untuk melengkapkan pasukan kami dengan alatan terkini, pengetahuan, kemahiran dan sikap berfikiran ke hadapan yang penting untuk berkembang maju dalam peranan mereka sekarang dan untuk memacu RB dan Negara Brunei Darussalam (NBD) ke arah masa depan yang makmur dan

mampam dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

"Dengan melabur dalam pembangunan profesional bakat kami, kami bukan sahaja mengukuhkan syarikat penerbangan kami tetapi juga menyumbang kepada aspirasi NBD untuk hari esok yang lebih menjanjikan.

"Kami juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada UBD atas sokongan dan bimbingan yang tidak ternilai sepanjang perjalanan transformatif ini. UBD memainkan peranan penting dalam memudahkan pemerolehan pengetahuan yang sudah pasti akan membentuk masa depan syarikat penerbangan kami," ujar Kapten Sabirin lagi.

## Pertandingan Tentang Kesedaran Keselamatan Siber



WAKIL dari Sekretariat ASEAN, Agensi Keselamatan Siber Kebangsaan Malaysia (NACSA), Agensi Siber dan Kripto Nasional Indonesia, Kementerian Penerangan dan Komunikasi Viet Nam, Pengerusi Bersama Mesyuarat Dasar Keselamatan Siber Jepun; dan Pesuruhjaya Interim CSB, Shamsul Bahri Haji Kamis semasa bergambar ramai (kiri). Manakala gambar kanan, hakim pertandingan terdiri daripada wakil dari Brunei, Kemboja, Indonesia, Jepun, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Thailand dan Viet Nam.

**Siaran Akhbar dan Foto : Cyber Security Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 12 Oktober. - Pelajar dari ASEAN dan Jepun menerima pengiktirafan dari Cyber Security Brunei (CSB) atas usaha mereka dalam menghasilkan video pendek tentang kesedaran keselamatan siber.

CSB telah mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah untuk Pertandingan Video Keselamatan Siber ASEAN-Jepun 2023 semasa Mesyuarat Dasar Keselamatan Siber ASEAN-Jepun Ke-16 di Tokyo, Jepun, baru-baru ini.

Pertandingan ini telah dimulakan oleh CSB kerana Negara Brunei Darussalam (NBD) kini merupakan negara peneraju untuk aktiviti kerjasama kesedaran bersama di bawah Kerjasama Keselamatan Siber ASEAN-Jepun.

Negara anggota masing-masing telah menyerahkan video buatan pelajar yang menyampaikan mesej keselamatan siber tertentu.

Pada September, CSB menjadi tuan rumah acara penghakiman yang dihadiri oleh wakil dari negara anggota ASEAN (AMS) dan perwakilan diplomatik Jepun yang berkhidmat sebagai hakim. Mewakili hakim NBD adalah terdiri dari Persatuan Keselamatan Siber Brunei (BCSA).

Para hakim telah menyemak semua video yang diserahkan dan memberikan markah berdasarkan kejelasan mesej keselamatan siber, kreativiti dan kualiti video tersebut.

Sebanyak 10 video yang diserahkan telah dipamerkan

semasa Mesyuarat Dasar Keselamatan Siber ASEAN-Jepun Ke-16 di Tokyo, Jepun.

Hadir bagi menyampaikan anugerah kepada wakil setiap AMS ialah Pesuruhjaya Interim, Awang Shamsul Bahri bin Haji Khamis. Turut hadir, Ketua Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer Brunei (BruCERT), Awang Haji Mas Zuraime bin Haji Abdul Hamid.

Juara pertandingan disandang oleh Indonesia dengan tajuk 'Safeguarding Kids Online', yang menekankan kepentingan pengawasan ibu bapa dan penglibatan aktif dalam melindungi kanak-kanak daripada ancaman dalam talian.

Pelajar Politeknik Siber, Rakha Wilis dan Sandi Negara, memenangi hadiah wang tunai sebanyak USD2,000. Menerima

anugerah bagi pihak pelajar tersebut ialah Kurniawan Sigit dari Agensi Siber dan Kripto Nasional, Indonesia.

Sementara itu, tempat kedua dimenangi oleh Malaysia dengan tajuk 'Beware of Phishing Scam', yang menggambarkan penipuan pancingan data e-mel, taktik yang biasa digunakan oleh penjenayah siber.

Video tersebut dibuat oleh pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, Muhammad Fahimi bin Amir yang memenangi hadiah wang tunai USD1,500.

Shamzariah Abdul Razak dari Agensi Keselamatan Siber Kebangsaan (NACSA) Malaysia menerima anugerah itu bagi pihak pelajar tersebut.

Hadiah ketiga dianugerahkan kepada Viet Nam dengan

video bertajuk '4Be Safety Online Tips for Children', yang dicipta oleh pelajar dari Akademi Kewartawanan dan Komunikasi, Le Thi Ha Anh. Beliau memenangi hadiah wang tunai sebanyak USD1,000.

Van Thi Hoang Ngan dari Kementerian Penerangan dan Komunikasi Viet Nam menerima anugerah itu bagi pihak pelajar tersebut.

Orang ramai yang ingin menonton video tersebut bolehlah melayari di laman sosial rasmi Instagram CSB (@CSB.gov.bn) dan saluran YouTube rasmi BruCERT di www.youtube.com/bruneicert.

AMS dan Jepun akan menggunakan video tersebut untuk meningkatkan kesedaran tentang keselamatan siber di negara masing-masing.

# DARI MAHKAMAH DIPENJARA, DENDA KERANA TINGGAL LEBIH MASA

Oleh : Nooratini Haji Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Jumaat, 13 Oktober. - Seorang wanita warganegara Indonesia, dijatuhan hukuman tiga bulan penjara dan denda sebanyak BND500, di Mahkamah Majistret, di sini.

Majistret Harnita Zelda Skinner menjatuhkan hukuman tersebut setelah Samiatun, berumur 58 tahun, mengaku bersalah atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 15 (1) Akta Imigresen, Penggal 17.

Majistret Harnita Zelda Skinner juga menambah hukuman satu bulan penjara kerana defendan gagal membayar denda berkenaan.

Samiatun didakwa melakukan kesalahan kerana tinggal

lebih masa di Negara Brunei Darussalam setelah Pas Imigresennya mansuh.

Pada 11 Oktober 2023, Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) menjalankan Operasi Sakat di sebuah rumah di Kampung Lambak Kiri.

JIPK menjalankan siasatan, di mana mendapati bahawa defendan kali terakhir memasuki ke negara ini pada 18 Jun 2019 di bawah tajaan Lilee and Fuad Enterprise, sebagai pelayan.

Dalam rekod, ini merupakan kesalahan pertama defendan, di bawah Akta Imigresen.

Pendakwaan tertuduh dijalankan oleh pihak Pendakwa Raya, di JIPK, Mohd. Zul Azri bin Haji Ranee.

**BELAIT,** Jumaat, 13 Oktober. - Akibat barang tegahan, seorang lelaki warga tempatan dijatuhan hukuman denda sebanyak BND13,700 atau 13

bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

## Curi, ceroboh : Lelaki tempatan dipenjara, sebat

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 12 Oktober. - Seorang lelaki tempatan, Harun bin Metusin berusia 35 tahun dijatuhan hukuman lima tahun penjara dan dua kali sebatan atas kesalahan menceroboh bagi tujuan mencuri di Mahkamah Perantaraan, hari ini.

Yang Arif Hakim Radin Safiee bin Radin Mas Basiuni menjatuhkan hukuman terabit, selepas defendan mengaku bersalah sejurus pertuduhan yang dikemukakan terhadapnya.

Defendant dan dua rakannya iaitu rakan 'H' telah memecah masuk sebuah rumah di

Kampung Tanjong Bunut Kanan, manakala rakan 'A' hanya sebagai pemandu pada 11 Februari 2023.

Menurut fakta kes, defendant berserta rakan 'H' telah berjaya membuka tingkap rumah tersebut dengan menggunakan tangan lalu memasuki rumah tersebut dengan membawa beberapa kotak untuk mengisi barang yang dicuri.

Dalam siasatan polis mendapati pada 12 Februari 2023 seorang pengadu 'A' menerima panggilan daripada ibunya memaklumkan bahawa abang pengadu melihat ada sebuah troli diletakkan di luar

pintu pagar.

Pengadu telah memeriksa rumah tersebut dan mendapat bahawa pintu utama rumah tersebut tidak berkunci dan rumahnya telah digeledah.

Pengadu juga mendapat ada beberapa barang milik abangnya turut hilang iaitu sebuah mesin gerudi; sebuah basikal; dan sebuah mesin cuci kereta. Pihak polis tidak berjaya menemukan semula barang curi tersebut.

Dalam rekod, defendant mempunyai sabitan jenayah sebelum ini. Mahkamah mengarahkan hukuman penjara berkuat kuasa bermula defandan direman pada 14 Februari 2023.

Timbalan Pendakwa Raya, Mohammad Kamal Ariffin bin Ismail memaklumkan kepada mahkamah bahawa semua kejadian berkenaan telah dilaporkan kepada pihak polis oleh mangsa sehingga membawa kepada penahanan defendant.

## Didenda kerana memiliki pelbagai jenis rokok

**KUALA BELAIT,** Khamis, 12 Oktober. - Seorang lelaki warga tempatan didakwa di Mahkamah Majistret Kuala Belait atas satu pertuduhan mengikut Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Majistret Syaffina binti Shahif membuat keputusan berkenaan selepas tertuduh, Khairuldin bin Morshidi, berusia 44 tahun mengaku bersalah terhadap

pertuduhan dan dijatuhan hukuman.

Defendant telah dijatuhan hukuman denda mahkamah sebanyak BND13,700 atau 13 bulan pemenjaraan jika gagal menjelaskan denda tersebut.

Mengikut pertuduhan, defendant didakwa memiliki pelbagai jenis rokok, iaitu 18 karton rokok dan satu paket rokok pelbagai jenis.

Defendant ditangkap oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Bahagian Masuk, Pos Kawalan Sungai Tujuh pada 30 Ogos 2022.

Sebuah barang yang terlibat, iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

## Padah miliki barang tegahan

**BELAIT,** Jumaat, 13 Oktober. - Akibat barang tegahan, seorang lelaki warga tempatan dijatuhan hukuman denda sebanyak BND13,700 atau 13

bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Hukuman diputuskan oleh Majistret Syaffina binti Shahif, di Mahkamah Majistret Kuala Belait, di sini.

Tertuduh, Khairuldin bin

Morshidi, mengaku bersalah dan didakwa memiliki 18 karton dan satu paket rokok pelbagai jenis.

Tertuduh berumur 44 tahun, ditangkap oleh Pegawai

Pemeriksa Kastam, Pos Kawalan Sungai Tujuh di bahagian masuk pos tersebut pada 30 Ogos 2022, jam 12 tengah hari.

Sebuah barang yang terlibat, iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN



## PENTING

### IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✖ Permohonan tidak akan diproses.
- ✖ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Usama > Dashboard Saya > Status Permenitan Kerja

TIDAK DIPERLUKAN

## SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR


### DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✖ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✖ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✖ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✖ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

**BARU**

**Sila sahkan** bahawa **maklumat** di dalam profil adalah **lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

**Memahami** bahawa maklumat **profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya **permohonan tidak akan diproses**.



# OPERASI SAKAT : 2 LELAKI ASING DITAHAN, DISIASAT



**Siaran Akhbar dan Foto :**  
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

KUALA BELAIT, Rabu, 11 Oktober. - Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Kuala Belait, baru-baru ini, telah melaksanakan Operasi Sakat 138 / 2023 yang menumpukan pada kawasan projek

pengubahaian bangunan di Kampung Pandan 'A', Kuala Belait.

Hasil pemeriksaan mendapati 10 lelaki warga asing diperiksa. Dua orang daripadanya telah ditahan untuk siasatan lanjut oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan

BAHAGIAN Penguatkuasa Undang-Undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kuala Belait semasa melaksanakan Operasi Sakat 138 / 2023 yang menumpukan pada kawasan projek pengubahaian bangunan di Kampung Pandan 'A', Kuala Belait (kiri dan kanan).

lanjut kerana seorang daripadanya dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan Imigresen 9(4) iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan manakala seorang lagi gagal mengemukakan sebarang dokumen pengenalan diri

yang sah.

JIPK mengingatkan para majikan agar patuh dan tidak melanggar sebarang Akta dan Peraturan Imigresen dan memastikan pekerja-pekerja mereka melakukan kerja-kerja seperti yang ditetapkan.

JIPK mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama

memberikan maklumat berhubung dengan pesalah Imigresen. Sebarang maklumat dan nama pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya.

Dengan menghubungi ke talian JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

## 3 pekerja lari daripada majikan

**Siaran Akhbar dan Foto :** Pasukan Polis Diraja Brunei

SENGKURONG, Rabu, 11 Oktober. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan tiga pekerja yang dilaporkan lari daripada majikan.

Pekerja tersebut ialah Setia

Ningsih, perempuan 35 tahun, warganegara Indonesia dengan nombor pasport C9688222; ERLY Khairun Azrey, lelaki 21 tahun, warganegara Indonesia dengan nombor pasport C7604106 dan Fayzul Islam, lelaki 33 tahun, warganegara

Bangladesh dengan nombor pasport A03585147.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi Balai Polis Sengkurong menerusi talian +673 2661334 atau Talian Kecemasan Polis, 993 atau terus melaporkan ke balai-balai polis berdekatan.



FAYZUL Islam, 33 tahun, warganegara Bangladesh dengan nombor pasport A03585147.

ERLY Khairun Azrey, 21 tahun, warganegara Indonesia dengan nombor pasport C7604106.

SETIA Ningsih, 35 tahun, warganegara Indonesia dengan nombor pasport C9688222.

## Lelaki dikehendaki bantu siasatan

**Siaran Akhbar dan Foto :** Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Oktober. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang lelaki yang dikehendaki bagi membantu siasatan pihak Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak, Jabatan Siasatan Jenayah.

Lelaki tersebut, Pengiran Mohamad Ibnu bin Pengiran Haji Othman, warga tempatan dengan nombor Kad Pengenalan Pintar, 01-038274 (kuning).

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak, Jabatan Siasatan Jenayah menerusi talian +673 2459500 sambungan 490 / 333 atau Talian Kecemasan Polis, 993.



PENGIRAN Mohamad Ibnu bin Pengiran Haji Othwan, warga tempatan, nombor Kad Pengenalan Pintar 01-038274 (kuning) dikehendaki bantu siasatan.

**PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN**

- Kelulusan Pendidikan Tinggi**  
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**  
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- Tamat Persekolahan**  
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja

**PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN**

- Maklumat Peribadi**  
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- Maklumat Lesen Memandu**
- Kelulusan Pendidikan Tinggi**  
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**
- Tamat Persekolahan**  
(Sijil berhenti Sekolah)

**PANDUAN PENGALAMAN KERJA**

- Pengalaman Kerja Kerajaan**  
memandakan '\*' pada jawatan seluruh / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mulai dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang bercul
- Pengalaman Kerja Swasta**
- Pengalaman Kerja Beruniform**
- Pengalaman Bekerja Sendiri**
- Penempatan Kerja**
- Tidak Bekerja**

**PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL**

- Kelayakan Profesional**
- Peperiksaan Kesetiausahaan**
- Kemahiran Bahasa**
- Lain-Lain Kemahiran**

**ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?**

**PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS**

- Peperiksaan Kerajaan**
- Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)**
- Kursus Induksi Perkhidmatan Awam**
- Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)**
- Program Pembangunan Eksekutif**



## Kesihatan mental 'hak asasi manusia'

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Infografik dan Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

**KESIHATAN** mental dan kesejahteraan adalah asas untuk menikmati kehidupan yang baik dan bermakna. Kesihatan mental yang baik adalah penting untuk kesihatan dan kesejahteraan kita secara keseluruhan. Selain itu kesihatan mental adalah hak asasi manusia bagi semua orang. Setiap orang, sesiapa sahaja dan di mana sahaja mereka berada, mempunyai hak untuk mencapai standard tertinggi kesihatan mental. Ini termasuk hak untuk dilindungi daripada risiko kesihatan mental, hak untuk tersedia, mudah diakses, boleh diterima, dan penjagaan kualiti yang baik, dan hak kebebasan dan kemasukan dalam masyarakat. Oleh itu memang bertepatanlah Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia yang diadakan setiap 10 Oktober mengangkat tema 'Kesihatan Mental Adalah Hak Asasi Manusia' (Mental Health is a Universal Human Right).

### Hari Kesihatan Mental Sedunia

Sepertimana di negara lain di seluruh dunia, Negara Brunei Darussalam (NBD) juga tidak ketinggalan memperingati Hari

Kesihatan Mental Sedunia 2023 dengan mengadakan Simposium Kesihatan Mental pada Selasa, 10 Oktober lalu di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, Berakas. Semasa simposium tersebut, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menjelaskan bahawa Kementerian Kesihatan telah pun merancang beberapa program bersama dengan badan-badan kerajaan, badan bukan kerajaan termasuk pihak sukarelawan, agensi swasta dan kerjasama daripada pihak antarabangsa dalam memastikan hak untuk kesihatan mental yang baik akan dapat dicapai oleh semua, sekali gus memperkasa masyarakat dalam pengetahuan dan tindakan mengenai kesihatan mental di negara ini. Usaha-usaha tersebut, jelas Yang Berhormat lagi adalah selaras dengan tindakan utama di dalam Pelan Tindakan Kesihatan Mental 2022-2025 yang dilancarkan pada tahun lepas. Yang Berhormat seterusnya menjelaskan salah satu dari langkah baharu untuk memastikan kesamarataan dalam hal ini ialah mengadakan program yang memfokuskan

kesihatan mental di tempat kerja, secara bergilir-gilir di setiap kementerian di NBD di mana setiap kementerian akan berpeluang menjadi 'tuan rumah' untuk program tersebut pada setiap bulan. Program Kesihatan Mental di tempat kerja sebegini menurutnya, adalah sangat penting kerana menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO - World Health Organisation), dianggarkan 15 peratus daripada orang yang bekerja mengalami kecelaruan mental pada bila-bila masa.

Simposium selama sehari ini antara lain diserikan dengan pengongsian ilmu berkaitan dengan tema 'Mental Health in the Workplace : Universal Rights for All' serta pameran-pameran yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan mental di mana dengan adanya acara simposium dan pameran seumpama ini, Kementerian Kesihatan berharap akan dapat meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kesihatan mental dalam kalangan masyarakat tertutama sekali di tempat kerja.

### Lindungi kesihatan mental

Mempunyai keadaan kesihatan mental tidak harus sekali-kali menjadi sebab untuk menafikan hak asasi manusia bagi

seseorang atau mengecualikan mereka daripada keputusan tentang kesihatan mereka sendiri. Namun, di seluruh dunia, orang-orang yang mempunyai keadaan kesihatan mental terus mengalami pelbagai pencabulan hak asasi manusia. Ramai yang dikecualikan daripada kehidupan masyarakat dan didiskriminasi, manakala ramai lagi tidak boleh mengakses penjagaan kesihatan mental yang mereka perlukan atau hanya boleh mengakses penjagaan yang melanggar hak asasi manusia mereka.

Memetik laman sesawang WHO, satu dalam lapan orang di seluruh dunia hidup dengan keadaan kesihatan mental, yang boleh memberi kesan kepada kesihatan fizikal mereka, kesejahteraan mereka, bagaimana mereka berhubung dengan orang lain, dan kehidupan mereka. Keadaan kesihatan mental juga mempengaruhi peningkatan bilangan remaja dan orang muda. Apa yang diharapkan, tema sambutan tahun ini akan dapat meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan memacu tindakan yang menggalakkan dan melindungi kesihatan mental setiap orang sebagai hak asasi manusia sejati.

## OBJEKTIF HARI KESIHATAN MENTAL SEDUNIA 2023

Meneruskan untuk meningkatkan kesedaran dan mendidik orang ramai tentang kepentingan kesihatan mental dan kesejahteraan, terutamanya dalam kalangan penduduk yang bekerja;

Meningkatkan kefahaman rakan sekerja/rakan sebaya, majikan, ahli keluarga dan komuniti tentang kesihatan mental dan penyakit mental; merangkumi pengurusan dan kesan pada khususnya;

Mengongsikan dan mempromosikan perkhidmatan penjagaan kesihatan mental (termasuk talian bantuan kesihatan mental kebangsaan) yang tersedia dan disediakan oleh Kementerian Kesihatan dan juga pihak lain di negara ini;

Meneruskan menangani persepsi negatif terhadap kesihatan mental di Negara Brunei Darussalam terutamanya di tempat kerja dengan mengurangkan stigma sosial yang berkaitan dengan kesihatan mental.

# FESTIVAL BRUNEI FILM BLITZ 2023 BAKAL TAMPILKAN PROGRAM, ACARA BAHARU

Berita dan Foto :  
Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 13 Oktober. - Festival Brunei Film Blitz 2023, sebuah platform bagi filem cereka dan sinema nasional bebas dari seluruh dunia, bakal diadakan Disember ini dengan mengetengahkan pelbagai program dan acara baharu.

Tayangan akan diadakan di Mahakarya Institute of the Arts Asia

(MIAA) dan The Mall Cineplex. Pengarah Festival Filem, Dayang Siti Kamaluddin menjelaskan perkara berkenaan pada Sidang Media yang berlangsung di MIAA, Plaza Athirah, di sini.

Menurutnya, program filem cereka tersebut terdiri daripada tayangan baharu dan tajuk

retrospektif dari negara-negara terpilih termasuk Indonesia, Malaysia dan Filipina.

Beberapa pengarah filem juga akan hadir untuk mengambil bahagian dalam sesi soal jawab bersama penonton selepas tayangan.

Selain itu, festival filem yang akan memasuki tahun ke-7 itu, akan menganjurkan pertandingan filem pendek tahunannya dengan menampilkan dua kategori iaitu Terbuka dan 96 Hour Blitz.

Penyertaan bagi Kategori Terbuka akan diadakan bermula 13 Oktober hingga 10 Disember yang akan datang.

Manakala, Kategori 96 Hour Blitz memberikan para peserta masa selama 96 jam untuk menghasilkan filem pendek mereka.

Ramuan Rahsia bagi Kategori 96 Hour Blitz akan diumumkan pada 6 Disember 2023.

Pembikin filem tempatan dan antarabangsa berpeluang memenangi hadiah wang tunai sebanyak BND3,000 bagi setiap kategori.

Menyentuh mengenai program dan acara yang dianjurkan pada tahun ini, Dayang Siti Kamaluddin mengongsikan bahawa ia direka untuk meningkatkan outreach pendidikan melalui pembinaan kapasiti sinematik dalam komuniti tempatan.

Antaranya ialah program 'Best of Borneo Film Festivals' yang akan menjemput pengarah-pengarah festival filem dari Festival



PENGARAH Festival Filem, Dayang Siti Kamaluddin semasa menjelaskan mengenai Festival Brunei Film Blitz 2023 pada Sidang Media yang berlangsung di MIAA, Plaza Athirah.

Filem Mini (Kuching), Watch Movies Not (Sibu) dan Festival

Filem Antarabangsa Kota Kinabalu bagi membincangkan fungsi filem festival yang mereka anjurkan dan ideologi pemrograman acara tersebut.

Sementara itu, bengkel 'Careers in Cinema' akan menampilkan mentor-mentor yang memenangi anugerah iaitu Rachmania Arunita dan Djenar Maesa Ayu.

Program apresiasi sinema 'Cinesparks' pula bertujuan untuk membangunkan pengkritik filem tempatan melalui pemahaman teori yang lebih mendalam mengenai filem dan fungsinya dalam masyarakat. Program ini diadakan

sempena Anugerah Skrin Asia Pasifik.

Manakala, acara 'Mahakarya Mediapedia' mengetengahkan bentuk seni sinematik visual yang merangkumi poster filem, kostum watak dan ilustrasi grafik.

Acara seterusnya iaitu 'Scene to Seen' merupakan acara sinema interaktif dan *immersive* yang membolehkan para penonton mengambil bahagian dalam adegan filem yang terpilih.

Di samping itu, para graduan dan mahasiswa MIAA juga berpeluang menyertai pertandingan 'Best of Mahakarya' bagi memenangi hadiah wang tunai sebanyak BND3,000.

## Hot Wheels, koleksi kereta mainan berskala kecil pilihan para pengumpul



## TREN

Oleh : Nurul Rasyidah  
Mohamad Rosland  
Foto : Ihsan Mohammad Ike Iqrami  
Haji Suhaimi

**R**AMAI di antara kita mungkin mempunyai minat mengumpul kereta mainan berskala kecil, terutamanya dari jenama Hot Wheels. Sebahagian orang menganggap mengumpul kereta mainan kecil ini merupakan hobi kanak-kanak, namun tidak lagi pada masa ini kerana ia sudah menjadi trend yang kini popular dalam kalangan dewasa.

Sedikit latar belakang mengenai Hot Wheels, ia merupakan mainan miniatur yang diproduksi oleh perusahaan mainan dari Amerika Syarikat, Mattel Inc dan diperkenalkan oleh syarikat ini pada tahun 1968. Mainan Hot Wheels telah direka oleh Elliot Handler iaitu suami kepada pengasas Barbie, Ruth Handler. Idea tentang penciptaan kereta mainan Hot Wheels tercetus apabila Elliot Handler melihat anaknya sering bermain dengan mainan yang juga berskala kecil daripada jenama Matchbox. Elliot Handler mula mengarahkan pekerjaannya untuk mencipta sebuah kereta mainan yang laju, tahan lasak dan cantik. Apabila melihat kereta mainan ini dihasilkan, ayah pertama yang keluar daripada mulut beliau adalah "those are some hot wheels", dari situ lah nama Hot Wheels mula tercipta.

Salah satu perkara yang membuat Hot Wheels ini menjadi terkenal adalah disebabkan reka bentuknya yang unik dan inovatif. Setiap tahun, Hot Wheels akan mengeluarkan pelbagai siri baharu dengan reka bentuk dan konsep yang menarik.

Disebabkan reka bentuk menarik inilah, ada sesetengah

pengumpul kereta mainan ini bertukar-tukar jenis kereta sesama mereka dengan persetujuan bersama. Di Negara Brunei Darussalam, salah sebuah kelab peminat Hot Wheels iaitu Brunei's Hotwheels Club ditubuhkan khas untuk mengumpul para peminat bertukar atau menjual kereta mainan mereka serta berkongsi pengalaman dan idea sesama pengumpul. Kelab ini ditubuhkan pada tahun 2011 dan berdaftar di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada tahun 2015.

Mengumpul kereta mainan jenama Hot Wheels ini bukan hanya sekadar hobi tetapi ia yang telah memberi ilham kepada peminat tegar mainan ini untuk mengubah suai koleksi supaya kelihatan lebih unik dan menarik. Selain itu, ia juga dapat dijadikan sebagai mata pencarian bagi mereka yang ada kemahiran dalam mengubah suai reka bentuk Hot Wheels tersebut. Bukan hanya menarik perhatian pengumpul koleksi tempatan tetapi hasil kerja ini juga telah berjaya menarik minat para peminat dari luar negara untuk membuat tempahan. Ia juga sekali gus memberi peluang untuk mengekspresikan idea dan kreativiti individu itu.

Bagi kanak-kanak, dengan mengumpul koleksi mainan Hot Wheels ini dapat mengajarkan mereka untuk menanamkan sifat menghargai barang yang telah mereka miliki dengan bersusah payah. Di samping itu, dengan melatih mereka untuk membersihkan dan menyusun barang, dapat memupuk sifat bertanggungjawab atas barang mainan yang dikumpul. Mungkin ada yang beranggapan mengumpul mainan miniatur Hot Wheels ini sebagai pembaziran wang dan membuat masa, tetapi ia sebenarnya menyeronokkan dan mampu menghilangkan tekanan dan memberi kepuasan tersendiri bagi

si pengumpul selagi ia tidak menjadi beban kewangan kepada para pengumpul. Apa yang penting, mereka perlulah bijak dalam mengatur pembelian mengikut kemampuan masing-masing.

Hot Wheels menjadi fenomena kerana bentuknya yang cantik dan hampir serupa dengan reka bentuk kereta asal yang diinspirasikan. Pelbagai reka bentuk boleh

dijadikan koleksi. Bukan hanya itu, ia adalah sumber pendapatan bagi sesetengah orang. Namun, perlulah sentiasa diingat untuk tidak terlalu taksub dalam mengumpul alat mainan ini sehingga menjadi beban kepada diri sendiri. Perlulah kita berhati-hati dalam memenuhi minat agar kita tidak terjerumus dalam kerugian.

# MPC-UBD SBE ADAKAN LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE CHINA



SERAMAI 16 kakitangan MPC yang diketuai oleh Ketua Pegawai Operasi MPC, Awang Fazilah Yassin, dan sembilan pelajar pascasiswazah dari program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) UBDSBE, di bawah pimpinan Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi UBD (UBDSBE), Dr. Haji Masairol bin Haji Masri akan menyertai lawatan sambil belajar ke Guangxi, China, yang berlangsung dari 11 hingga 18 Oktober 2023.

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 11 Oktober. - Dalam usaha kerjasama untuk menyokong pendidikan dan memupuk hubungan industri-akademik, Syarikat Pelabuhan Muara Sdn. Bhd. (MPC) dengan kerjasama Sekolah Perdagangan dan Ekonomi Universiti Brunei Darussalam (Universiti Brunei Darussalam School of Business and Economics - UBD SBE) mengadakan lawatan sambil belajar selama lapan hari ke Guangxi, China, yang berlangsung dari 11 hingga 18 Oktober 2023.

Rombongan tersebut terdiri daripada 16 kakitangan MPC yang diketuai oleh Ketua Pegawai Operasi MPC, Awang Fazilah Yassin dan sembilan pelajar pascasiswazah daripada Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) UBD SBE di bawah pimpinan Dekan UBD SBE, Dr. Haji Masairol bin Haji Masri.

Lawatan sambil belajar ini sejajar dengan matlamat program MBA, bertujuan untuk meningkatkan kebolehan kepimpinan peserta, melengkапkan mereka dengan kemahiran, menjalin hubungan industri, mendalami asas pengetahuan mereka dan menyediakan pengalaman praktikal yang relevan dengan objektif program.

Pengalaman ini mendedahkan

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif MPC, Zeng Cai Li, lawatan itu juga bertujuan untuk membangunkan modal insan berkualiti sebagai usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran rakyat kerana ia penting untuk menggalakkan ekonomi yang berkembang maju bagi menyokong pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Jadual perjalanan untuk lawatan sambil belajar merangkumi lawatan ke beberapa pelabuhan termasuk Pelabuhan Automatik Antarabangsa, Kilang Tenaga Solar, Syarikat Semi-Conductor Technology, Kampus Universiti Guangxi. Lawatan ini menawarkan cerapan berharga tentang operasi pelabuhan, logistik, teknologi dan amalan perniagaan terbaik.

Objektif utama lawatan ini adalah untuk menyediakan pelajar dan ahli akademik dengan pemahaman langsung tentang operasi pelabuhan antarabangsa, pembuatan, pengeluaran, penyelidikan dan pembangunan serta ekosistem perniagaan di Guangxi, China.

Ia memberikan peluang unik kepada pelajar untuk menyaksikan dan menggunakan teknik operasi serta pengurusan kepada senario dunia sebenar.

Pengalaman ini mendedahkan

pelajar kepada persekitaran kerja yang tulen, membolehkan mereka merapatkan jurang antara konsep teori dan aplikasi praktikal dalam domain masing-masing.

Selain itu, lawatan itu juga merupakan inisiatif untuk mengukuhkan hubungan rapat antara UBD dan MPC serta untuk meneruskan kerjasama masa depan untuk penyelidikan, latihan dan pembinaan pasukan.

Ini merupakan lawatan ketiga anjuran MPC di mana yang pertama adalah ke Ibu Pejabat Kumpulan Pelabuhan Teluk Beibu, Pelabuhan Qinzhong dan Pelabuhan Fangcheng pada 2019. Lawatan kedua dianjurkan semasa fasa endemik selepas penularan COVID-19.

Lawatan ini adalah inisiatif MPC untuk meningkatkan pembangunan kapasiti manusia bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kepakaran teknikal seseorang individu.

UBD SBE kekal teguh dalam komitmennya terhadap misinya : *to provide quality education and nurture innovative and compassionate leaders who contribute to the community.*

Kerjasama dengan MPC akan mewujudkan peluang yang akan memberi manfaat kepada kedua-dua entiti, termasuk latihan industri, lawatan sambil belajar dan latihan serta penglibatan industri.

## Kajian Tenaga Kerja bermula 16 Oktober

**Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 12 Oktober. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan mengendalikan Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2023 bermula 16 Oktober hingga 12 November 2023.

Tujuan KTK 2023 ialah untuk mengumpulkan maklumat terkini mengenai saiz, struktur, taburan dan ciri-ciri tenaga kerja, pekerjaan, pengangguran dan lain-lain ciri-ciri ekonomi penduduk yang akan digunakan dalam membantu perancangan, penyelidikan dan penyediaan

dasar tenaga kerja.

KTK 2023 akan melibatkan kira-kira 3,200 buah keluarga terpilih sahaja di seluruh negara. Bagi memudahkan proses temu duga ia akan dilaksanakan menggunakan kaedah Computer Assisted Personal Interview (CAPI), di mana pegawai kajian menggunakan tablet bagi menjalankan temu duga bersempena dengan keluarga terpilih.

Ketua isi rumah yang terpilih dipohonkan untuk memberikan sokongan kerjasama menyediakan awal maklumat yang diperlukan bagi melancarkan proses temu duga seperti nombor Kad Pengenalan setiap ahli isi rumah serta maklumat lain termasuk pendidikan, pekerjaan dan

sebagainya.

Keluarga terpilih adalah dinasihatkan supaya memastikan pegawai-pegawai kajian menemu duga adalah pegawai yang dilantik oleh JPES melalui pas kajian, surat lantikan dan kad pengenalan mereka serta vest rasmi JPES.

Hasil yang diperoleh melalui KTK 2023 adalah sumber maklumat yang penting bagi kegunaan perancangan sosioekonomi negara, akademia, penyelidik, penuntut dan orang ramai bagi keperluan dan kegunaan masing-masing.

Justeru, sokongan dan kerjasama semua keluarga terpilih dalam memberikan maklumat yang tepat dan lengkap adalah sangat diharapkan bagi sama-sama menjayakan kajian ini. KTK 2023 dijalankan di bawah

# PUISI

## Jauhi Dadah Durjana

Bismillah ditulis pembuka kata,  
Bersyukur kepada Maha Mencipta,  
Dapat menulis sedikit cerita,  
Tentang dadah pembawa derita.

Syapen ku tulis bukan bermadah,  
Sekadar berpesan jua *bepadah*,  
Jangan cuba dekati dadah,  
Perbuatan keji tiada faedah.

Jauhi dari dadah durjana,  
Perbuatan terkutuk lagi dihina,  
Masyarakat membenci datangkan bencana,  
Kehidupan malap jiwa merana.

Bila sudah ketagih dadah,  
Fikiran runting sentiasa gundah,  
Hidup sudah tiada faedah,  
Keluarga sahabat memandang rendah.

Ketagih dadah mengundang penyakit,  
Mudah diserang kuman berjangkit,  
Badan yang sihat menjadi sakit,  
Merosak jasad sedikit demi sedikit.

Jangan mudah kita diperdaya,  
Dadah perosak datangkan bahaya,  
Hilang ingatan kurangkan upaya,  
Badan lesu tiada bermaya.

Dadah perosak negara musnah,  
Bangsa hancur agama punah,  
Bila ketagih memaki seranah,  
Sesama sendiri berbuat fitnah.

Hukuman berat bagi pengedar,  
Perbuatan keji wajib dihindar,  
Masuk penjara kehidupan pudar,  
Segera bertaubat cepatlah sedar.

Jauhi perbuatan yang tiada berguna,  
Menghisab syabu mengambil marijuana,  
Carilah teman *bekeulahan* sempurna,  
Hidup bahagia lebih bermakna.

Dadah durjana perosak bangsa,  
Banyak keluarga menjadi mangsa,  
Negara juga turut binasa,  
Perbuatan terkutuk sangat berdosa.

Dadah itu sangat bahaya,  
Jangan mudah kita terpedaya,  
Kata manis jangan percaya,  
Semua itu tipu daya.

Jalani kehidupan yang lebih bermakna,  
Keluarga bahagia yang mauh dibina,  
Memilih teman mesti bijaksana,  
Terhindar dari dicaci dihina.

Sayangilah negara yang tercinta,  
Jangan sampai dadah bertakhta,  
Bangsa sendiri menanggung derita,  
Keluarga terpisah meratap nista.

Syapen ditulis di sini bersudah,  
Perihal cerita mengenai dadah,  
Semoga dapat memberi faedah,  
Memohon ampun tangan ku tадah.

**Nadi©**

Akta Perangkaan, Penggal 81 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.

JPES ingin memberikan jaminan kepada semua keluarga atau isi rumah terpilih yang mengambil bahagian dalam kajian ini bahawa maklumat yang dikumpulkan akan disimpan sulit dan akan digunakan bagi keperluan perangkaan sahaja.

Menurut Seksyen 9 Akta Perangkaan, kegagalan atau

keengganan untuk memberikan maklumat yang diperlukan atau memberikan maklumat palsu adalah menjadi satu kesalahan yang membawa hukuman denda sebanyak BND4,000.

Sebarang pertanyaan mengenai KTK 2023 ini bolehlah dirujuk ke JPES melalui talian +673 7469844 pada waktu pejabat, atau e-mel [info.statistics@jpes.gov.bn](mailto:info.statistics@jpes.gov.bn), atau di laman sesawang [deps.mofe.gov.bn](http://deps.mofe.gov.bn).



BEIJING, 13 Okt. - Pembangunan taman negara di China mencapai

# CHINA PERGIAT USAHA PEMBANGUNAN TAMAN NEGARA

hasil menggalakkan sejak usaha berkenaan mulai dilakukan pada dua tahun lepas.

Taman Negara Panda Gergasi antara kumpulan pertama taman negara yang ditubuhkan pada

Okttober 2021.

Sebagai kawasan penting di taman itu, koridor Gunung Niba dibina untuk menghubungkan habitat kelompok panda liar yang berbeza.

"Pembinaan koridor Gunung Niba bertujuan memudahkan pergerakan panda di kawasan pegunungan Daxiangling supaya dapat berinteraksi dengan panda di gunung Qionglai.

"Dengan itu, panda gergasi yang berasal dari dua gunung itu dapat membiak generasi baharu dan kelompok panda di gunung Daxiangling dapat dikenalkan," kata pegawai taman berkenaan yang bertugas di kaunti Yingjing, Fu Mingxia.

Difahamkan, China akan mencalonkan 49 kawasan untuk membina taman negara dengan

keluasannya kira-kira 1.1 juta kilometer (km) persegi, antaranya 990,000 km persegi di darat dan 110,000 km persegi di laut.

Selaras projek berkenaan disiapkan, ia bakal mewujudkan kawasan perlindungan taman negara yang paling luas di dunia.

Laman sesawang alam sekitar Amerika Syarikat (AS) Earth.com dalam artikelnya berkata penubuhan sistem taman negara telah memperincikan tanggungjawab dan hak bagi badan pengurusan pelbagai taman negara di China.

Dalam artikel itu turut menyentuh mengenai Negara Tembok Besar komited mengamalkan konsep pembangunan hijau dan tamadun ekologi bagi mewujudkan matlamat kepelbagaian biologi global pasca 2020. - ©BERNAMA

## Pemilihan Speaker Dewan AS, Steve Scalise tarik diri

**WASHINGTON**, 13 Okt - Ketua Majoriti Dewan Perwakilan Amerika Syarikat Steve Scalise pada Khamis mengumumkan menarik diri daripada pemilihan Speaker Dewan Perwakilan selepas gagal mendapat sokongan yang mencukupi daripada Parti Republikan, lapor Xinhua.

"Saya baru sahaja berkongsi dengan rakan sekerja bahawa saya telah menarik diri sebagai calon speaker," kata Scalise.

Pada Rabu, Scalise, calon Republikan di Dewan Perwakilan AS memenangi pencalonan menerusi undian 113-99 ke atas pengurus Jawatankuasa Kehakiman Dewan dan pengasas bersama kelab konservatif House Freedom Caucus, Jim Jordan.

Kemenangan Scalise yang hanya mendahului 14 undi menunjukkan perpecahan serius dalam kalangan Republikan di Dewan Perwakilan.

Sebilangan anggota Republikan tidak menyokong Scalise, termasuk penyokong Jordan yang menyokong bekas presiden Donald Trump dan merupakan sekutu Kevin McCarthy.

Pemecatan McCarthy sebagai Speaker Dewan telah mendedahkan perpecahan yang semakin ketara antara golongan konservatif dan moderates dalam Republikan. - ©BERNAMA

## Lembah Bin Heshbal di Arab Saudi terima pengiktirafan Guinness World Record

**RIYADH** (Arab Saudi), 13 Okt - Ladang Lembah Bin Heshbal yang terletak di wilayah Asir menerima pengiktirafan Guinness World Records (GWR) sebagai ladang yang mempunyai keluasan kawasan terbesar di dunia.

Menteri Alam Sekitar, Air dan Pertanian Arab Saudi, Abdulrahman bin Abdulmohsen Al-Fadhli, menerima sijil daripada GWR pada majlis yang dianjurkan oleh Saudi Reef Programme di Riyadh.

Jumlah keluasan ladang itu meliputi 3,204,182 meter persegi dan terbahagi kepada dua bahagian, masing-masing

dilengkapi dengan tangki konkrit berkapasiti 500 meter padu.

"Selain itu, ladang berkenaan mempunyai rangkaian pengairan automatik untuk menampung semua tanam-tanaman yang ada di ladang berkenaan. Ladang itu turut dilengkapi dengan lima rumah berhawa dingin, serta bangunan tambahan," lapor Agensi Berita Arab Saudi.

Ladang itu bergantung kepada air terawat untuk mengairi tanaman.

Proses pengairan dilaksanakan dengan teliti melalui pelbagai fasa dan diawasi oleh beberapa pakar yang mahir dalam aspek seperti pengairan, pembajaan dan

peralatan.

Mereka memantau dan menyelia semua operasi pertanian di 50 ladang buah-buahan, serta 20 ladang tambahan yang dijadualkan untuk kegunaan pemulihian dan penanaman untuk masa akan datang.

Ladang ini mengkhususkan satu bahagian untuk penanaman dan pengeluaran semanggi, di samping pelbagai jenis tanaman dan buah-buahan lain, antaranya limau, delima, angur, buah ara, badam dan buah zaitun.

Selain itu, terdapat juga ladang eksperimen yang menempatkan pelbagai jenis tanaman. - ©BERNAMA

## Hampir 5.8 juta orang hilang tempat tinggal akibat perang di Sudan

**KHARTOUM**, 12 Okt. - Pertubuhan Migrasi Antarabangsa PBB (IOM) pada Rabu mendedahkan bahawa hampir 5.8 juta orang kehilangan tempat tinggal di dalam dan di luar Sudan akibat konflik berpanjangan antara Angkatan Bersenjata Sudan (SAF) dan pasukan separa tentara Rapid Support Forces (RSF).

"Matriks Penjejakkan Orang Tersingkir" (DTM) Sudan

menganggarkan bahawa 4,551,795 individu telah dipindahkan secara dalaman," menurut IOM dalam kemas kini terbaharunya, lapor Xinhua.

Konflik itu juga telah menyebabkan "pergerakan rentas sempadan 1,237,103 individu ke negara-negara jiran, iaitu Mesir, Libya, Chad, Republik Afrika Tengah, Sudan Selatan dan

Ethiopia".

Sudan telah menyaksikan pertempuran berdarah antara SAF dan RSF di Khartoum dan kawasan lain sejak 15 April, hingga mengakibatkan sekurang-kurangnya 3,000 kematian manakala lebih 6,000 lagi cedera, menurut angka yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Sudan. - ©BERNAMA

## 15 negara dipilih berkhidmat dalam Majlis Hak Asasi Manusia PBB

**NEW YORK**, 11 Okt. - Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Selasa memilih 15 negara untuk berkhidmat dalam Majlis Hak Asasi Manusia PBB yang dianggotai 47 anggota bagi tempoh tiga tahun bermula 1 Jan 2024.

Melalui undian secara sulit negara yang terpilih, termasuk Burundi, Cote d'Ivoire, Ghana, Malawi (untuk Afrika); China, Indonesia, Jepun, Kuwait (Asia-Pasifik); Albania, Bulgaria (Eropah Timur); Brazil, Cuba, Republik Dominicana (Amerika Latin dan Caribbean); Perancis, Belanda (Eropah Barat dan negara lain), telah dipilih, lapor Xinhua.

Rusia dalam kumpulan Eropah Timur dan Peru di Amerika Latin

dan kumpulan Caribbean kecundang dalam bidaan.

Rusia gagal melepas 97 undian yang diperlukan, manakala Peru yang menerima 108 undi menyokong gagal mengatasi tiga pencabar lain dalam kumpulan itu.

Calon dalam kumpulan Afrika, Asia-Pasifik, Eropah Barat dan negeri-negeri lain menang selesa tanpa dicabar.

Sementara itu, China, Cote d'Ivoire, Cuba, Perancis dan Malawi telah dipilih semula.

Sebanyak 10 negara akan meninggalkan Majlis Hak Asasi Manusia menjelang akhir tahun: Gabon, Senegal (untuk Afrika); Nepal, Pakistan, Uzbekistan (Asia-Pasifik); Republik Czech, Ukraine (Eropah Timur); Bolivia, Mexico (Amerika Latin dan

Caribbean); Britain (Eropah Barat dan negara lain).

Majlis Hak Asasi Manusia PBB yang berpangkalan di Geneva ialah badan antara kerajaan yang bertanggungjawab untuk mempromosikan dan melindungi hak asasi manusia di seluruh dunia.

Kira-kira satu pertiga daripada 47 ahlinya diganti setiap tahun bagi memastikan ahli majlis dapat berkhidmat secara berperingkat sepanjang tempoh tiga tahun.

Pembahagian kerusi majlis itu berdasarkan kumpulan serantau iaitu 13 setiap satu untuk Afrika dan Asia-Pasifik; lapan untuk Amerika Latin dan Caribbean; tujuh untuk Eropah Barat dan negara lain; dan enam untuk Eropah Timur. - ©BERNAMA

## Hampir 40,000 rakyat Korea Selatan maut akibat bunuh diri dalam tempoh tiga tahun lepas - Data

**SEOUL**, 11 Okt. - Kadar bunuh diri dalam kalangan generasi muda di Korea Selatan menyaksikan peningkatan, dengan seramai 39,453 golongan belia maut akibat membunuh diri, menurut data Kementerian Kesihatan dan Agensi Kawalan dan Pencegahan Penyakit.

Data menunjukkan bahawa jumlah itu meningkat berbanding 32,156 kematian akibat COVID-19 yang dicatatkan dalam tempoh yang sama.

Secara keseluruhan, kadar bunuh diri menurun sedikit dalam tempoh lima tahun lalu, iaitu 25.2 orang bagi setiap 100,000 pada 2022, tetapi kadar bunuh diri dalam kalangan remaja dan mereka yang berumur 20-an menunjukkan trend peningkatan, lapor Agensi Berita Yonhap.

Kadar bunuh diri dalam kalangan remaja meningkat daripada 5.8 setiap 100,000 individu pada 2018 kepada 7.2 pada 2022, manakala kadar bagi mereka yang berumur 20-an meningkat daripada 17.6 kepada 21.4 dalam tempoh yang sama.

Bilangan percubaan membunuh diri juga meningkat.

Tahun lepas, 36,754 orang menerima kecemasan di hospital selepas mencederakan diri sendiri atau cuba membunuh diri, peningkatan sebanyak 68 peratus daripada 21,875 pada 2012. - ©BERNAMA

## Banjir di Myanmar : 27,000 penduduk di Bago dipindahkan

**YANGON**, 11 Okt. - Seramai 27,302 penduduk di Bago di selatan Myanmar dipindahkan ke kem penempatan sementara akibat banjir, selepas paras air sungai di wilayah itu meningkat mendadak, lapor Xinhua.

Menurut Jabatan Meteorologi dan Hidrologi, paras air Sungai Bago melebihi paras bahaya sejak Ahad.

Perkhidmatan kereta api yang melalui wilayah itu juga dihentikan sementara waktu, kata seorang pegawai kereta api.

"Banjir itu yang terbesar pernah saya alami dalam hidup saya selama 35 tahun. Tiada air minuman dan tiada benda yang boleh dimasak. Semuanya ditenggelami air," kata seorang penduduk Bago, kepada Xinhua.

Operasi menyelamat masih dijalankan. - ©BERNAMA

## Semakin ramai remaja di Itali alami tekanan mental

**ROM**, 11 Okt. - Semakin ramai remaja di Itali menunjukkan simptom tekanan mental dan ketagihan kepada teknologi, menurut Persatuan Psikiatri Itali (SIP) pada Selasa, sempena Hari Kesihatan Mental Sedunia.

"Sekurang-kurangnya 700,000 remaja hari ini ketagih dengan Internet, rangkaian sosial dan permainan video. Semakin ramai juga didapati mengalami kebimbangan dan kemurungan," kata Presiden SIP Emi Bondi, lapor Xinhua.

Peningkatan masalah mental dalam kalangan golongan muda mula dikesan sejak bermulanya wabak COVID-19 pada awal tahun 2020.

Menurut pakar isu itu perlu ditangani segera dan langkah memupuk kesedaran dalam kalangan penduduk perlu untuk menyokong inisiatif kesihatan mental di negara ini. - ©BERNAMA



# Sukan Taekwondo boleh bentuk percaya diri



Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman  
Foto : Jabatan Penerangan

**S**UKAN Seni bela diri merupakan seni mempertahankan diri yang mengutamakan ketahanan dan kekuatan fizikal. Ia tersebar di seluruh dunia dengan teknik dan ciri khas tersendiri.

Antara beberapa seni mempertahankan diri yang popular di seluruh dunia ialah seperti silat, taekwondo, judo, karate dan wushu. Gerak langkah dalam

seni bela diri itu juga antara langkah terbaik untuk membina kecerdasan, disiplin diri dan kemahiran sosial.

Boleh dikatakan hampir setiap negara memiliki seni bela dirinya tersendiri termasuk Negara Brunei Darussalam yang memiliki keragaman seni dan budayanya yang unik dan hebat. Seni bela diri tersebut diwariskan secara turun-temurun daripada generasi kepada generasi.

Sebagai contoh seni

bela diri di negara ini ialah seni silat atau pencak silat yang sememangnya berkembang di alam Melayu dan diamalkan sejak berkurun lamanya.

Namun pada keluaran Fokus Sukan kali ini akan membicarakan mengenai dengan sukan seni bela diri taekwondo.

Taekwondo merupakan seni bela diri yang berasal dari Negara Korea dan menjadi sukan rasmi bagi negara tersebut. Sukan ini bukan saja dikenali di rantau ini malah di seluruh dunia dan turut dipertandingkan hingga ke peringkat Sukan Olimpik.

Sukan seni bela diri ini bolehlah diterjemahkan sebagai seni menendang dan menumbuk.

Di Negara Brunei Darussalam sukan ini telah lama dikenali sejak beberapa dekad yang lalu dan mempunyai jumlah penggemar yang ramai.

Penggemar sukan ini bukan sahaja kepada golongan remaja malah kepada kanak-kanak sekolah.

Pada peringkat kebangsaan, atlet-atlet negara juga aktif dalam melakukan kegiatan mereka sehari-hari seperti rutin latihan sebagai persiapan bagi penyertaan pertandingan dalam dan luar negara.

Antara pencapaian terbaik atlet negara ialah apabila memenangi satu pingat emas dan satu pingat gangsa di kejohanan Seongnam World Taekwondo Hanmadang dan satu pingat emas dan dua pingat perak di The 2019 Korean Ambassador's Cup Taekwondo World Championship in Korea. Justeru dengan pencapaian ini jelas menunjukkan bahawa atlet-atlet negara mempunyai kemampuan bersaing bersama atlet-atlet luar negara.

Sebagai bukti sukan ini memiliki penggemar yang ramai, baru-baru ini telah diadakan Kejohanan Taekwondo Brunei Darussalam Piala Duta Korea Kali

Ke-3 bagi Tahun 2023 yang bukan saj disertai oleh kelab-kelab tempatan tetapi juga dari negara jiran.

Kejohanan yang dianjurkan bersama Persatuan Taekwondo Brunei Darussalam dengan Kedutaan Republik Korea berlangsung selama tiga hari bermula 1 September 2023 bertempat di Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Antara acara yang dipertandingkan adalah Hanmadang dalam acara Speed Turning Kicks; 360 Speed Turning Kicks; High Jump Kicks; Long Jump Kicks; Fist Breaking dan Hand Knife Breaking; Poomsae dalam acara individu, beregu dan berpasukan, Kyorugi, Taerobic dan Demonstrasi.

Untuk menjadi atlet taekwondo yang baik perlu menguasai beberapa teknik dasar sukan tersebut seperti kuda-kuda. Peranan kuda-kuda ini adalah sebagai dasar untuk menyerang atau mempertahankan diri. Teknik kuda-kuda yang sempurna adalah kunci keseimbangan tubuh dan pertahanan.

Selain itu, teknik dasar yang harus dikuasai termasuklah teknik pukulan, teknik tendangan, teknik tangkisan dan teknik sebatan.

Manakala, manfaat sukan taekwondo pada dasarnya dapat memberikan kesan yang baik bagi kesihatan kepada penggiatnya seperti dapat meningkatkan kekuatan dan kekencangan otot selain bermanfaat untuk kesihatan jantung.

Semasa melakukan latihan taekwondo akan membuat seseorang itu melatih pernafasannya dengan baik dan ini boleh membuat jantung menjadi lebih sihat serta menjadikan daya tahan diri menjadi lebih baik.

Dengan mengamalkan sukan ini membuat seseorang itu menjadi lebih percaya diri dan ini menjadi salah satu hal penting yang perlu dilakukan untuk atlet taekwondo. Ini secara langsung akan menjadikan kepercayaan diri lebih meningkat yang menyebabkan tubuh agar tetap seimbang dan tidak terjatuh ketika melakukan setiap gerakan taekwondo.





ePaper Pelita Brunei



## TUTONG HALF MARATHON 21KM, 15 OKTOBERINI



Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG**, Khamis, 12 Oktober. - Tutong Runners (TR) dan Limin Cardio Fitness (LCF) dengan kerjasama Shahney Event Management dengan sokongan oleh Majlis Perundingan Mukim (MPM) Ukong, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kampung Penapar, Kampung Bukit Udal, MPK Kampung Bukit dan Kampung Long Mayan akan menganjurkan Tutong Half Marathon (21Km) pada Ahad, 15 Oktober 2023.

Sehubungan dengan itu, Sidang Media mengenainya diadakan petang tadi di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Menurut Awang Mohammad Sofian, acara

Tutong Half Marathon ini bermula dari Taman Riadah Bukit Kinyam Kampung Bukit Udal hingga ke Dewan Serbaguna Kampung Bukit, Daerah Tutong. Sementara itu, flag off akan dibuat pada jam 6.15 pagi dan cut-off time akan bermula pada 10.45 pagi.

Lebih 200 peserta larian yang terdiri daripada peserta dalam dan luar negara telah mendaftar bagi menyertai Tutong Half Marathon 2023.

Beliau menjelaskan sebanyak lima kategori dibukakan bagi Maraton tersebut iaitu Lelaki Terbuka, Wanita Terbuka, Lelaki Veteran (41-48 Tahun), Wanita Veteran (41-48 Tahun), Lelaki Senior Veteran

(49 Ke Atas) dan Wanita Senior Veteran (49 Ke Atas).

Tambahnya, hadiah bagi tempat pertama ialah wang tunai sebanyak BND400, manakala tempat kedua wang tunai sebanyak BND300 dan tempat ketiga sebanyak BND200.

Acara tersebut merupakan salah satu acara yang menggunakan pendekatan semua pihak (Whole of Nation Approach) bila mana pihak kerajaan seperti Jabatan Daerah Tutong, Pasukan Polis Diraja Brunei bersama pertubuhan bukan kerajaan seperti TR, LCF dengan kerjasama MPM dan Kampung bersatu padu mengendalikan acara-acara yang boleh mendatangkan impak kepada kemajuan sukan, pengukuhan organisasi termasuk institusi

PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri semasa menyampaikan Sidang Media mengenai Tutong Half Marathon 21KM (kiri sekali). Manakala gambar kiri, antara yang hadir pada sidang tersebut.

akar umbi di negara ini.

Ia juga dikukuhkan lagi dengan bantuan tajaan daripada sektor swasta seperti Hua Ho Department Store, Bank Islam Brunei Darussalam, Nazmi Textile Mall, Cityneon Displays and Construction, Mashor Waste Management, Zake Pool, Malabar Restaurant, Sabli's Food Industries dan lain-lain syarikat yang bermurah hati untuk menaja acara berkenaan.

Pemangku Pegawai Daerah Tutong melahirkan penghargaan kepada semua pihak yang bekerjasama untuk menganjurkan acara tersebut dan juga kepada para penaja.

Beliau berharap dengan sumbangan tersebut akan dapat diteruskan pada tahun akan datang kerana Tutong Half Marathon ini akan dijadikan sebagai acara tahunan utama di Daerah Tutong bagi setiap tahun dengan menyasarkan ia akan diadakan mengikut piawaian pengacaraan Maraton pada peringkat antarabangsa.

## Liga Teqball Malaysia jadi pusingan kelayakan Kejohanan Dunia 2023

**KUALA LUMPUR**, 13 Okt. - Liga Teqball Malaysia yang julkung kali diadakan menjadi kejohanan kelayakan ke Kejohanan Teqball Dunia keenam yang akan diadakan pada 29 November hingga 3 Disember di Bangkok, Thailand.

Kejohanan anjuran Persatuan Teqball Malaysia (MTA) pada 28 dan 29 Oktober di KL Gateway Mall di sini, mempertandingkan

kategori perseorangan lelaki dan wanita, beregu lelaki dan wanita serta beregu campuran.

Presiden MTA K. J. Siva dalam kenyataan berkata, Liga Teqball Malaysia yang menawarkan hadiah keseluruhan RM15,000, menjadi platform untuk pemain menyerlahkan potensi mereka memandangkan sukan ini masih baharu.

"Kejohanan ini bukan sahaja untuk memperkenalkan sukan ini kepada umum tetapi juga menonjolkan kemahiran dan bakat luar biasa pemain. Ia juga menyatukan pemain dan peminat bagi memupuk semangat kesukanan," katanya.

Lapan pasukan telah mengesahkan penyertaan, yang akan dijalankan berdasarkan format liga dalam memburu gelaran juara.

Teqball merupakan disiplin sukan baharu diperkenalkan di Hungary pada 2012, menggabungkan sukan bola sepak, sepak takraw dan ping pong yang dimainkan atas meja khas dikenali meja Teq.

Pemain dibenarkan memukul bola dengan menggunakan mana-mana bahagian badan kecuali lengan dan tangan. - ©BERNAMA

## FAM harap lebih ramai pengadil berjaya di peringkat antarabangsa

**KUALA LUMPUR**, 13 Okt. - Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) berharap lebih ramai pengadil tempatan, akan mengikuti jejak langkah Muhammad Nazmi Nasaruddin bersama dua pembantunya, yang akan bertugas pada Piala Asia 2023 di Qatar, Januari depan.

Dua pembantu pengadil yang akan mengiringi Muhammad Nazmi ke Qatar ialah Mohamad Zairul Khalil Tan dan Mohd Arif Shamil Abd. Rasid.

Presiden FAM, Datuk Hamidin Mohd Amin berkata badan induk itu, akan terus memberi sokongan dan bantuan kepada

pengadil, agar mereka terus mencapai tahap tertinggi di peringkat Konfederasi Bolasepak Asia (AFC) dan Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA).

"AFC memilih Nazmi dan dua pembantunya untuk menggalas tugas pada Piala Asia di Qatar, yang mana ia satu pengiktirafan dan diharap akan terus menjadi pemangkin kemajuan pengadil bola sepak Malaysia.

"Menjadi harapan kami untuk melihat lebih ramai pengadil Malaysia memegang tugas utama dalam perlawanan antarabangsa, terutama di kejohanan Piala

Dunia 2026 yang akan diadakan di Amerika Syarikat, Kanada dan Mexico," katanya dalam hantaran di Facebook FAM hari ini.

Terdahulu, pagi tadi Hamidin meluangkan masa bersarapan dengan Muhammad Nazmi, Mohamad Zairul dan Mohd Arif di Wisma FAM, Kelana Jaya.

Muhammad Nazmi dan dua pembantunya turut dipilih AFC untuk mengendalikan beberapa aksi kumpulan saingan Liga Juara-Juara AFC musim ini, yang melibatkan penggunaan sistem Video Bantuan Pengadil (VAR). - ©BERNAMA

## Tahukah Awda

**S**EBAUH empangan konkrit telah dibina di puncak Air Terjun di Tasek Lama pada tahun 1926 bagi menyalurkan bekalan air ke Bandar Brunei. Pada tahun 1937-1947 projek bagi meningkatkan sistem bekalan air terus dilaksanakan dan dilaratkan ke kawasan-kawasan lain sekitar Bandar Brunei, Pekan Belait, Pekan Seria, Pekan Tutong, kawasan Muara dan Lumapas bagi menampung keperluan penduduk yang semakin meningkat. Pada tahun 1967, sebuah lagi empangan telah dibina di Sungai Kianggeh dan dipam ke Empangan Air Tasek, memberikan tambahan kapasiti pengeluaran.

**SUMBER :** Kompilasi Rencana Khas 50 Tahun KDYMM menaiki takhta

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

PERBANYAKAN AMAL IBADAH, KEBAJIKAN SEBAGAI BEKAL MENUJU AKHIRAT KELAK